



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2012

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 20 JUN 2012

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN- JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO: 5,10 HINGGA 108)**

**NOTA : JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah
Cawangan Perundangan
Parlimen Malaysia

SOALAN(5)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 JUN 2012 (RABU)

DARI PAD A : Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU
[BUKIT KATIL]

SOALAN

Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan industri hartaanah di Malaysia selepas tahun 2008 didapati melambung tinggi dan sukar di mampu milik oleh masyarakat Malaysia terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menetapkan harga siling dalam industri hartaanah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan buat masa ini tidak mengawal harga rumah memandangkan ianya ditentukan sendiri oleh faktor pasaran (*market forces*). Ini memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan ekonomi bebas (*free market*) dan bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Katil jua, Kerajaan sangat mengambil berat mengenai keperluan perumahan yang membabitkan golongan yang berpendapatan rendah di Malaysia. Untuk itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Kerajaan telah mensasarkan untuk membina sebanyak 78,000 unit rumah kos rendah awam (RKR) di seluruh negara di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Bantuan Rumah (PBR).

Kerajaan juga amat prihatin terhadap keperluan perumahan golongan yang berpendapatan sederhana. Lanjutan daripada itu, Kerajaan telah melancarkan Program Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) yang berkonseptkan '*Public Private Partnership*' (PPP) dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana (pendapatan isi rumah tidak melebihi RM6.000 sebulan) mampu untuk memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan iaitu di antara RM150,000 sehingga RM300,000 bergantung kepada lokasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga sedar mengenai kenaikan harga rumah di Malaysia. Oleh itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa mekanisme kawalan iaitu melalui pengurangan "*Loan to Value*" (LTV) kepada 70% sahaja bagi pinjaman perumahan untuk pembelian rumah ketiga dan seterusnya. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai 1 Januari 2010 dengan tujuan untuk mengurangkan aktiviti spekulasi yang

menyebabkan kenaikan harga rumah di Malaysia.

Kerajaan akan terus memantau kenaikan harga rumah di Malaysia dan akan mengenakan langkah-langkah tambahan untuk mengawal harga rumah jika perlu bagi memastikan semua golongan rakyat mampu untuk memiliki rumah sendiri.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

SOALAN NO. 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM

[BAYAN BARU]

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk menyedarkan rakyat terhadap bantuan-bantuan yang disediakan dan kriteria-kriteria yang membolehkan mereka mendapat bantuan oleh Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin akan kebajikan golongan yang memerlukan. Sehubungan itu, Kementerian menyediakan

pelbagai bantuan kebajikan bagi faedah kumpulan sasar Kementerian yang terdiri daripada golongan warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya dan keluarga miskin.

Antara langkah yang telah diambil oleh KPWKM menerusi JKM supaya rakyat sedar terhadap bantuan-bantuan yang disediakan adalah seperti berikut:

a) **Melaksanakan Projek CARI**

Projek CARI telah dijalankan mulai bulan Julai 2008 hingga bulan Disember 2009 sebagai satu program pendampingan sosial (*social outreach programme*) bagi mengenal pasti golongan miskin dan mereka yang memerlukan bantuan kebajikan masyarakat. Dalam hal ini, sebanyak 140,159 kes bagi pelbagai skim bantuan kebajikan telah diluluskan.

- b) **Mengadakan kerjasama dengan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Khas Masyarakat India (*Special Implementation Taskforce on Indian Community, SITF*), Jabatan Perdana Menteri**
KPWKM telah bekerjasama dengan Pasukan Petugas Khas Pelaksanaan Masyarakat India (SITF) di bawah Jabatan Perdana Menteri dalam memberikan penerangan ketika ‘Program Mesra Rakyat 1 Malaysia’ di 6 buah kawasan yang majoriti penduduknya adalah komuniti India iaitu 2 buah kawasan di negeri Selangor, manakala masing-masing satu kawasan di negeri Kedah, Pulau Pinang, Johor dan Perak. Program anjuran SITF ini bertujuan membantu komuniti India mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi Kerajaan termasuklah permohonan bantuan, pendaftaran kelahiran, permohonan pekerjaan, peluang memasuki institusi latihan kemahiran dan sebagainya.

Sebanyak 4,948 kes telah diterima di 6 buah lokasi program. Daripada jumlah ini sebanyak 2,232 kes telah dirujuk ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berkaitan. Kesemua kes yang dirujuk telah disiasat yang mana sebanyak 763 kes telah diluluskan bantuan kebajikan. Kelulusan tertinggi bagi bantuan kebajikan adalah untuk Bantuan Am iaitu sebanyak 321 kes, diikuti Bantuan Kanak-Kanak (219

kes), Bantuan Orang Tua (104 kes), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (49 kes), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (41 kes), Elaun Pekerja Cacat (22 kes) dan Bantuan Alat Tiruan (7 kes).

[Catatan: Sebanyak 1,454 kes telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan, manakala sebanyak 14 kes telah dirujuk kepada agensi lain.]

c) **Unit Khidmat Penyayang**

KPWKM melalui JKM telah mewujudkan Unit Khidmat Penyayang (UKP) pada tahun 2006. Unit ini bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain mengikut jadual yang ditetapkan bagi menyampaikan perkhidmatan JKM seperti pendaftaran OKU, pendaftaran sukarelawan, pendaftaran anak angkat, rujukan kes akhlak, rujukan kepada agensi lain serta permohonan bantuan kebajikan. Dari tahun 2009 sehingga Ogos 2011, sebanyak 4,500 program telah dilaksanakan oleh UKP dengan 98,276 kes telah mendapat perkhidmatan kebajikan daripada UKP.

d) **Sesi penerangan kepada pemimpin tempatan**

KPWKM juga mengadakan sesi penerangan secara berterusan kepada pemimpin masyarakat peringkat tempatan mengenai skim bantuan kebajikan masyarakat dan program yang dilaksanakan di peringkat akar umbi melalui aktiviti yang dijalankan oleh Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kawasan Parlimen (MAYANG), Jentera Pelaksanaan Dasar Sosial Negara di Peringkat Akar Umbi (NADI) dan

Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK).

e) **Menyediakan perkhidmatan Talian Nur 15999**

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan Talian NUR 15999 bagi membolehkan orang ramai membuat pertanyaan, aduan dan mendapatkan bantuan berhubung isu-isu sosial serta bantuan kebajikan masyarakat. Talian ini yang dilancarkan pada 5 Disember 2007 merupakan perkhidmatan yang beroperasi tanpa henti 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun. Semenjak perkhidmatan ini dilancarkan sehingga 10 Jun 2012, sebanyak 16,001 panggilan berkaitan pertanyaan / aduan / perkhidmatan bantuan kebajikan masyarakat dirujuk kepada JKM.

f) **Menggunakan media untuk hebahan prog ram-prog ram bantuan**

KPWKM mengadakan hebahan mengenai program dan bantuan kebajikan yang disediakan oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya melalui media massa, media cetak dan media elektronik. Contohnya, Program KARISMA disiarkan di TV3 mulai bulan Januari hingga Mac 2012 dengan melibatkan temu bual bersama Pegawai Pengurusan Tertinggi JKM. Program ini turut memaparkan kisah klien-klien JKM yang telah berjaya setelah mendapat bantuan dan sokongan JKM.

g) Mengedarkan risalah dan poster

JKM mengedarkan secara berterusan pamphlet, brosur dan poster berkaitan program atau bantuan kebajikan kepada Pusat Khidmat Masyarakat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi.

h) Paparan di laman web

KPWKM juga turut menggunakan pendekatan terkini dengan membuat hebahan berkaitan program bantuan kebajikan dan aktiviti di laman web Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung bantuan kebajikan masyarakat, berikut ialah kriteria yang digunakan untuk menimbangkan permohonan yang diterima oleh JKM:

- i) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- ii) Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM760 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM910 sebulan bagi Sarawak dan RM1.050 sebulan bagi Sabah; [Catatan: Bagi Elaun Pekerja Cacat, kelayakan pendapatan OKU adalah tidak melebihi RM1.200 sebulan. Manakala kelayakan pendapatan isi rumah bagi

permohonan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar adalah tidak melebihi RM3,000 sebulan.]

- iii) Tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup; dan
- iv) Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan berdasarkan kepada hasil siasatan yang dijalankan oleh pegawai JKM dengan mengambil kira faktor seperti tahap kesihatan, keadaan fizikal dan kelengkapan rumah dan sebagainya.

NO. SOALAN: //

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A YB DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
[SIPITANG]**

TARIKH 20 JUN 2012 [RABU]

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan yang dilaksanakan untuk membendung penularan ajaran sesat di negara ini termasuk yang berselindung di sebalik pelbagai institusi keagamaan.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI**

JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil perhatian serius terhadap kewujudan ajaran sesat di negara ini. Untuk itu, Jakim sentiasa menjalinkan kerjasama rapat dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan ajaran sesat. Dalam hal ini, pelbagai langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi membendung penularan ajaran sesat secara berkesan. Antaranya seperti berikut:-

- i) memfatwakan ajaran-ajaran yang disahkan sesat atau bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bagi ajaran sesat yang belum ada fatwa, kajian susulan secara terperinci dan kemaskini dibuat dan seterusnya memfatwakan ajaran-ajaran sesat berkenaan di peringkat kebangsaan. Kemudian keputusan fatwa berkenaan dibawa ke negeri untuk difatwakan di peringkat negeri-negeri dan seterusnya diwartakan;
- ii) meminta negeri-negeri yang belum fatwa supaya memfatwakan dan mewartakan ajaran sesat yang telah difatwakan di peringkat kebangsaan;
- iii) penerangan melalui media elektronik Jakim dengan menyediakan slot khas mengenai ajaran sesat;
- iv) mengadakan ceramah-ceramah atau taklimat dan seumpamanya;
- v) menyediakan pengajaran dan pendidikan Islam secara berterusan di institusi-institusi pelajaran formal dan tidak formal; dan
- vi) meneliti untuk diambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan yang

sedia ada seperti Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri melalui mahkamah syariah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA**

TUAN AMRAN BIN AB GHANI

TARIKH

20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

**Tuan Amran bIn Ab Ghani [Tanah Merah] minta MENTERI PENGAJIAN
TINGGI menyatakan:-**

- (a) apakah tujuan Kerajaan mensyaratkan ibu bapa menyimpan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebelum mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dari 2008 hingga 2011 dan berapakah jumlah yang terkumpul; dan
- (b) adakah Kerajaan menggunakan wang simpanan SSPN sebagai wang pinjaman kepada PTPTN

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) merupakan satu instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN untuk ibubapa menabung bagi tujuan pembentukan pendidikan tinggi anak-anak. Ia sekaligus akan membantu ibubapa mengatasi kesulitan dan masalah kewangan apabila

anak-anak mereka diterima masuk ke institusi pengajian tinggi. SSPN telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6 Ogos 2004.

Pada Januari 2008, setiap pelajar perlu mempunyai akaun SSPN sebelum layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN dengan simpanan minimum serendah RM20.00. Syarat ini bertujuan untuk menggalak dan menyemai budaya menabung di kalangan ibu bapa bagi persediaan pendidikan tinggi anak-anak di masa hadapan. Akaun SSPN boleh dibuka oleh ibu bapa untuk anak-anak seawal usia kelahiran.

Walau bagaimanapun, syarat ini ditangguhkan sementara mulai Mei 2009 bagi membolehkan pemantapan sistem pengurusan SSPN dilaksanakan sepenuhnya. Sehubungan itu, mulai 1 Januari 2012, PTPTN telah menguatkuasakan semula syarat simpanan wajib di dalam SSPN untuk melayakkan pelajar memohon pinjaman PTPTN. Pelaksanaan syarat wajib menyimpan di dalam SSPN untuk kelayakan pembiayaan pendidikan ini merupakan sumbangan PTPTN untuk membantu meningkatkan kesedaran dan budaya menabung dikalangan ibu bapa serta masyarakat bagi kepentingan pendidikan anak-anak di masa hadapan.

Sehingga 30 April 2012, SSPN telah berjaya mengumpul deposit sebanyak RM612.53 juta dengan bilangan akaun dibuka sebanyak 1.25 juta. Manakala, prestasi deposit bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah masing-masing RM130.04 juta bagi tahun 2008, RM118.04 bagi tahun 2009, RM106.49 bagi tahun 2010 dan RM142.24 bagi tahun 2011. SSPN juga telah disahkan sebagai produk patuh syariah menggunakan kontrak "*Wakalah Bil Istithmar*"

berkuat kuasa pada 30 November 2011.

Didalam usaha PTPTN memupuk budaya menabung dikalangan warga negara Malaysia, deposit SSPN turut diberi dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sehingga 2011, pembayaran dividen telah dibuat kepada pendeposit dimana melibatkan peruntukan berjumlah sebanyak RM40.95 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai pertanyaan samada Kerajaan menggunakan wang simpanan SSPN sebagai wang pinjaman PTPTN, dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak menggunakan wang simpanan SSPN sebagai wang pinjaman/pembentangan kepada pelajar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)
SOALAN NO. 13

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan langkah-langkah bagi memastikan 46,698 lepasan SPM yang ditawarkan memasuki program asasi dan diploma tidak menghadapi masalah untuk membayar yuran pengajian dan sejauh manakah bantuan kewangan pelajar asasi IPTA yang disediakan mampu meringankan beban pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2005, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil alih tanggungjawab daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melaksanakan program bantuan kewangan kepada pelajar lepasan SPM untuk mengikuti pengajian bertaraf Asasi di sembilan (9) IPTA iaitu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(UPNM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pelajar yang telah menerima tawaran untuk mengikuti pengajian di peringkat Asasi, akan diberi bantuan kewangan sebanyak RM1,960.00 bagi setiap semester yang meliputi Elaun Wang Saku sebanyak RM1,250.00, Yuran Pengajian sebanyak RM350.00 dan Yuran Penginapan sebanyak RM360.00. Selain itu, bagi pelajar yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang mendapat tawaran IPTA di Semenanjung Malaysia, akan diberikan bantuan tiket penerbangan perjalanan pergi dan balik sebanyak sekali sepanjang pengajian. Yuran Pengajian dan Yuran Penginapan akan dibayar terus kepada pihak universiti berdasarkan tuntutan invois manakala Elaun Wang Saku akan dibayar kepada pelajar melalui Bendahari Universiti.

Bagi pelajar di peringkat Diploma pula, para pelajar boleh memohon Skim Pembiayaan Pendidikan PTPTN yang diwujudkan bertujuan untuk memberi pembiayaan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan. Pembiayaan ini akan membolehkan pelajar membiayai sepenuh atau sebahagian yuran pengajian dan juga kos sara hidup di sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Sekaligus, skim ini membuka lebih banyak peluang kepada semua golongan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi.

Dalam usaha untuk membantu meringankan beban kewangan pelajar yang baru pertama kali menjakkan kaki ke IPTA, Kerajaan melalui PTPTN telah melaksanakan pemberian Wang Pendahuluan

Pembentangan (WPP) kepada para pelajar. Ia telah dilaksanakan mulai tahun 1999 hingga kini. Sehingga 30 April 2012, sebanyak 553,913 waran WPP telah ditunaikan dengan jumlah sebanyak RM812 juta. Daripada jumlah tersebut, bagi kemasukan ke IPT sesi Mei/ Jun 2012 ini sahaja melibatkan seramai 32,777 orang pelajar dengan peruntukan berjumlah RM49juta.

Bantuan kewangan yang disediakan ini diharap dapat meringankan bebanan keluarga terutama pada mereka yang kurang berkemampuan untuk bayaran yuran pengajian dan yuran penginapan serta elaun wang saku sekaligus membantu pelajar untuk meneruskan pengajian mereka.

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN WONG HO LENG [SIBU]
TARIKH 20 JUN 2012
SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa terdapat lebih banyak kes asma dan penyakit pernafasan di Bintulu berbanding dengan pekan/bandar-bandar lain di Sarawak. Adakah penyakit ini disebabkan oleh Loji MLNG, Loji Asean Bintulu Fertilisers Sdn Bhd dan kilang-kilang kayu di Bintulu. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua

Berdasarkan pemantauan data yang diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, didapati kejadian kes asma dan penyakit pernafasan di Bintulu tidaklah seperti yang didakwa. Malah, kejadian kes asma dan penyakit pernafasan daerah lain adalah melebihi dari daerah Bintulu. Sebagai contoh, pemantauan yang dijalankan ke atas 13 buah klinik kesihatan di seluruh negeri Sarawak, berkenaan penyakit berkaitan jerebu selama 4 hari berturut-turut di dalam bulan Disember tahun 2011, penyakit berkaitan jerebu mencatatkan kadar di antara 4.9% hingga 63.8% daripada kedatangan pesakit luar. Jumlah kes asma yang direkod di Klinik Kesihatan Bintulu adalah 29 kes berbanding dengan 41 kes di Poliklinik Mosque Road, 45 kes di Poliklinik Tanah Puteh, 15 kes di Poliklinik Sarikei dan 17 kes di Klinik Kesihatan Samarahan.

Oleh itu, penyakit asma dan pernafasan tidak boleh dikaitkan dengan kewujudan Loji MLNG, Loji Asean Bintulu Fertilisers Sdn Bhd dan kilang-kilang kayu di Bintulu.

Pemantauan kualiti udara yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati secara keseluruhan tidak mencatatkan bacaan tidak sihat di Bintulu sepanjang tahun 2011 dan sehingga Jun 2012. Bacaan Indeks Kualiti Udara di kawasan Bintulu mencatatkan kualiti udara baik sepanjang tahun dan sebahagian kecil sahaja menunjukkan kualiti udara yang sederhana.

Namun begitu, KKM sentiasa bekerjasama dengan JAS dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sama ada untuk merekod kes asma dan pernafasan, serta berkongsi maklumat, agar

sebarang kes berkaitan dapat diambil tindakan oleh agensi berkenaan.
Soalan No :15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE
	[MAS GADING]
TARIKH	20 JUN 2012
SOALAN:	

Y.B. Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah rasional Kerajaan mengambil guru Bahasa Inggeris dari luar negara bahkan di dalam negara ada banyak pesara cikgu Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan guru Bahasa Inggeris (BI) yang cukup, berkualiti dan berkemahiran tinggi merupakan strategi penting Dasar MBMMBI. Dalam usaha tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan perkongsian pintar dengan tenaga pakar dari luar negara. Bagi tujuan membina kapasiti guru-guru bahasa Inggeris, perkhidmatan penuturjati BI digunakan sebagai jurulatih utama kepada pensyarah di IPG dan guru-guru di sekolah.

Perkhidmatan penutur jati diambil untuk meningkatkan kemahiran guru opsyen dan bukan opsyen BI. Kepakaran penutur jati akan membantu meningkatkan kompetensi guru BI dan menyediakan personel yang boleh menjadi rujukan guru lain serta membangunkan kepimpinan kurikulum dalam kalangan guru BI Penutur jati yang dilantik mempunyai kelayakan *Teaching of*

English as a Second Language (TESL), kepakaran TESL, berpengalaman dalam bidang latihan guru dan menjalankan bidang tugas berdasarkan terma rujukan yang standard. Penutur jati juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan penilaian program ke arah memperkuuh penguasaan BI.

Namun demikian, KPM juga turut menggunakan perkhidmatan guru BI yang telah bersara sebagai gurum kontrak. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) yang telah bersara, mempunyai opsyen pengajian BI, berpengalaman mengajar BI dan mempunyai tahap kesihatan yang baik telah dilantik secara kontrak untuk perkhidmatan. Guru-guru kontrak akan menjalankan tugas keguruan dari segi p&p BI, pengurusan kurikulum BI, pembangunan karakter murid, bimbingan dan pemulihan murid serta pengurusan aktiviti kokurikulum BI ke arah meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid. Oleh itu, khidmat kepakaran guru kontrak akan turut membantu program pembangunan profesionalisme guru BI di peringkat sekolah.

Soalan No : 16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]
TARIKH	20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan Kementerian mengambil masa terlalu lama untuk menarik balik PPSMI, keadaan ini membayangkan ketidaksungguhan Kementerian untuk menarik balik program ini, dan dalam masa yang sama Kementerian telah tidak lagi memberi peruntukan untuk memastikan program ini dapat di laksana secara sempurna. Apakah pendirian Kementerian dalam soal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak melaksanakan tindakan yang terburu-buru dalam membuat keputusan muktamad terhadap pemansuhan PPSMI, sebaliknya keputusan tersebut dilakukan setelah mengambil kira hasil kajian-kajian berkaitan PPSMI dan pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan.

Namun, pemansuhan PPSMI dilaksanakan secara beransur-ansur bagi memastikan proses peralihan berjalan lancar. Dalam proses peralihan ini, sekolah boleh menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia atau dwi bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) sains dan matematik di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Ini bertujuan membantu guru dan murid menyesuaikan diri dengan perubahan dasar tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebenaran memberi kelonggaran kepada murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang telah mengikuti p&p sains dan matematik dalam bahasa Inggeris pada atau sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan 5 adalah berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah. Namun, walaupun kelonggaran diberikan, kajian ke atas semua sekolah di bawah KPM menunjukkan bahawa kebanyakan sekolah telah melaksanakan p&p sains dan matematik dalam bahasa Malaysia. Dapatan kajian akhir tahun 2011, menunjukkan kurang daripada 5% kelas di sekolah rendah masih menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam p&p sains dan matematik. Manakala di peringkat sekolah menengah, kurang daripada 10% kelas masih menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam p&p sains dan matematik. Berdasarkan dapatan tersebut, Dasar MBMMBI telah pun dilaksanakan di kebanyakan sekolah.

KPM juga telah menyediakan peruntukan kewangan bagi menjayakan Dasar MBMMBI terutamanya dalam memperkuuh bahasa Inggeris. Pada masa yang sama peruntukan per kapita (PCG) mata pelajaran sains, matematik dan bahasa Inggeris di sekolah digunakan untuk menjayakan *softlanding* PPSMI. KPM juga menyalurkan peruntukan untuk program latihan guru, pembangunan akademik, bahan ICT dan aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan PPSMI dan MBMMBI.

Rjm 53

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN DARI PAD A	: LISAN ■ TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID SYED JAAFAR ALBAR
KAWASAN	: KOTA TINGGI

TARIKH : 20.6.12 (RABU)

NO. SOALAN : 17

YB. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID SYED JAAFAR ALBAR minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan memandangkan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu, berapakah jumlah pelaburan luar yang datang ke Malaysia dan apakah terdapat kesan akibat dari persaingan dengan negara-negara lain di rantau ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia masih kekal sebagai sebuah destinasi yang terpilih dalam menarik pelaburan asing walaupun berdepan dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Ini turut digambarkan di dalam Imbangan Pembavaran (Balance of Payments) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan

Malaysia (DOSM), di mana jumlah kemasukan pelaburan asing (FDD untuk tahun 2011) adalah RM32.9 bilion berbanding dengan RM29.3 bilion pada tahun 2010 dan RM5 bilion pada tahun 2009.

Bagi tempoh Januari hingga April 2012 pula, sejumlah 268 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM17.9 bilion berbanding 846 projek dengan pelaburan bernilai RM56.1 bilion bagi keseluruhan tahun 2011. Daripada RM17.9 bilion pelaburan diluluskan bagi tempoh Januari hingga April 2012, RM10.1 bilion (56.4%) merupakan pelaburan domestik, manakala RM7.8 bilion (43.6%) adalah pelaburan asing.

Mengikut kajian Institute for Management Development (IMD) di Lausanne, Switzerland pada 2012, Malaysia kini menduduki tangga ke-14 sebagai salah satu negara yang mempunyai ekonomi berdava saing berbanding tangga ke-16 pada 2011. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa di antara negara yang memiliki Nilai Pendapatan Isirumah (GDP per capita) kurang daripada RM60.000, Malaysia masih mengekalkan kedudukan ke-2 dari 29 negara, di hadapan negara-negara membangun seperti China, Chile dan Thailand.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam laporan tahunan Global Competitiveness Report 2011 yang dikeluarkan oleh World Economic Forum bagi tahun 2011,

kedudukan Malaysia telah meningkat ke tangga 21 daripada 142 negara berbanding kedudukan pada tangga ke-26 pada 2010. Malaysia juga menduduki tempat ke-6 di rantau Asia Pasifik dan tempat ke-2 di rantau ASEAN.

Data-data tersebut jelas menunjukkan Malaysia masih merupakan destinasi pelaburan kompetitif bagi rantau Asia Pasifik secara amnya dan ASEAN khasnya. Malaysia sentiasa mengamalkan persaingan yang sihat di antara negara-negara iiran bagi memastikan pembangunan ekonomi serantau yang mampan.

Peningkatan daya saing ini juga menunjukkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memperbaiki dava saing ekonomi negara adalah berkesan. Malaysia masih mengekalkan keyakinan pelabur kerana asas-asas atau fundamentals ekonomi negara yang kukuh. Selain dari itu, Kerajaan turut:

- memperkenalkan pendekatan berfokus atau targeted approach, di samping penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam R&D untuk menarik pelaburan;
- memberikan tumpuan khusus kepada svarikat terkemuka

yang telah dikenalpasti dalam sektor bernilai tambah tinggi, industri berdasarkan pengetahuan dan berteknologi tinggi;

- menambahbaik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara;
- menambahbaik sistem penvampaian kerajaan dan mengurangkan kos untuk menialankan perniagaan serta menangani karenah birokrasi melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH); dan
- menaiktaraf dan memodenkan infrastruktur termasuk rangkaian telekomunikasi terbaru dan taman sains teknologi tinggi bagi memenuhi keperluan industri yang baru muncul seperti industri alternatif tenaga yang boleh diperbaharui, elektronik berteknologi tinggi, jentera dan kelengkapan serta peralatan perubatan.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.06.2012

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi pembaharuan dan pengeluaran mata wang yang diamalkan berkaitan mata wang kertas serta syiling negara untuk edaran dan apakah maksud-maksud paparan pada muka wang-wang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia memperkenalkan siri baharu mata wang Malaysia sebagai satu usaha berkala bagi menggantikan siri duit syiling dan siri wang kertas terdahulu, masing-masing dikeluarkan pada tahun 1989 dan 1996. Pengenalan mata wang siri baharu ini bertujuan memperkuuhkan lagi ciri-ciri keselamatan dengan menggabungkan ciri-ciri yang lebih moden, praktikal dan terkini sejajar dengan kemajuan teknologi semasa bagi memudahkan lagi penggunaan dan meningkatkan pelindungan daripada ancaman pemalsuan. Di samping itu, wang kertas dan duit syiling siri baharu ini turut diperkenalkan dengan reka bentuk yang lebih menarik bertemakan Keunikan Malaysia.

2. Bersesuaian dengan tema yang dipilih, ciri-ciri unik yang mencorak budaya dan warisan negara telah dijadikan sumber inspirasi dalam mereka

bentuk mata wang siri baharu ini melalui paparan motif-motif yang berbeza bagi setiap denominasi seperti berikut:

Denominasi Duit syiling	Motif
50 sen	Sulur Kacang
20 sen	Bunga Melur
10 sen	Orang Asli
5 sen	Destar Siga

Denominasi Wang Kertas	Motif
RM100	Taman Kinabalu, Sabah dan pembentukan mercu batu kapur di Lembah Gunung Api, Sarawak
RM50	Kelapa sawit dan bioteknologi
RM20	Penyu Karah dan Penyu Belimbang
RM10	Bunga <i>Rafflesia Azlanii</i>
RM5	Burung Enggang Badak
RM1	Wau Bulan

3. Sepanjang proses pengenalan mata wang siri baharu ini, Bank Negara Malaysia telah mendapatkan pandangan dan maklumbalas daripada orang ramai, peniaga dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Hasil rumusan daripada kajiselidik pendapat awam dan perbincangan kumpulan berfokus (*focus group*) telah digabungkan dan dibentangkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Penasihat Wang Kertas dan Duit Syiling. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tokoh masyarakat dan pakar dalam bidang-bidang berkaitan seni, sejarah, kebudayaan, logam dan sebagainya. Reka bentuk mata wang siri baharu ini juga telah diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia. Reka bentuk dan spesifikasi yang telah dipersetujui ini kemudiannya dikemukakan kepada Menteri Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN DATUK
DARI PAD A	RAIME BIN UNGGI 20 JUN
TARIKH	2012 (RABU)
SOALAN	NO. 19
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga 11 Jun 2012 dan nyatakan jumlah tunggakan balik pinjaman bagi tempoh berkenaan.	

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2012, bilangan peminjam yang telah menerima pinjaman/pembelaian pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah seramai 1.97 juta orang dengan jumlah pinjaman/pembelaian sebanyak RM44.01 bilion sehingga tamat pengajian.

Sehingga 30 April 2012, jumlah tunggakan bayaran balik adalah sebanyak RM3.46 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.77 bilion adalah jumlah tunggakan daripada peminjam yang telah membayar balik pinjaman tetapi dibenarkan membuat bayaran balik dengan ansuran bulanan lebih rendah daripada ansuran sebenar.

Manakala sebanyak RM1.69 bilion tunggakan adalah daripada seramai 258,056 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN CHONG CHIENG JEN
 [BANDAR KUCHING]**

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN 20

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kenapa Jabatan Pengangkutan Jalan membenarkan pemilik-pemilik lesen sewa kereta (tanpa pemandu) dioperasikan sebagai teksi di Lapangan Antarabangsa Kuching.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kenyataan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sarawak membenarkan pemilik-pemilik lesen sewa kereta (tanpa pemandu) beroperasi sebagai teksi di Lapangan Antarabangsa Kuching adalah tidak tepat. Kereta sewa tanpa pemandu ini dikhurasukan kepada sesiapa sahaja, terutamanya pelancong yang datang dan menggunakan kereta tersebut untuk kegunaan persendirian dan bukannya untuk beroperasi sebagai teksi. Kemudahan ini sememangnya disediakan di kebanyakan lapangan terbang yang besar di seluruh dunia.

Untuk makluman YB, kemudahan sewa kereta (tanpa pemandu) diperuntukkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594) oleh Kementerian Pelancongan.

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI
	[SABAK BERNAM]
TARIKH	20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan pelaksanaan J-Qaf di sekolah menengah dan seterusnya memartabatkan pendidikan Islam di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan program j-QAF Rendah supaya lebih berkualiti dan berkesan. Pada masa ini, KPM sedang membuat perancangan yang teliti dan rapi dari segi konsep, kaedah pelaksanaan, modul pengajaran dan pembelajaran, penyediaan guru, latihan guru, kesediaan sekolah rintis, sekolah-sekolah selepas sekolah rintis, keperluan kewangan dan sebagainya. Antara halangan yang dihadapi oleh KPM ialah masih banyak sekolah rendah belum melaksanakan program ini di mana murid yang memasuki tingkatan satu belum mendapat didikan j-QAF. Banyak lagi halangan-halangan yang lain seperti kesediaan sekolah, sekolah kurang murid, latihan guru j-QAF dan sebagainya selain bekalan guru yang tidak mencukupi.

Oleh yang demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tumpuan KPM pada masa ini adalah untuk mempastikan semua sekolah rendah melaksanakan program j-QAF terlebih dahulu supaya ia dilaksanakan dengan baik, teratur dan sempurna. KPM ingin memastikan tiada isu dan masalah yang berbangkit ekoran pelaksanaan

program j-QAF di sekolah rendah sebelum melaksanakan program j-QAF Sekolah Menengah.

SOALAN NO. : 22

PARLIMEN
MALAYSIA : LISAN
PERTANYAAN : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP]
DEWAN RAKYAT : 20 JUN 2012 (RABU)

PERTANYAAN : Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [PadangTerap] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
DARIPADA menyatakan perkembangan terkini Projek Rancangan Pengairan Bukit
TARIKH Sena Padang Terap. Sila nyatakan kos terkini serta masalah yang
SOALAN berlaku ketika ini dan cadangan penyelesaian segera.
: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

JAWAPAN OLEH

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Skim Pengairan Bukit Sena, Padang Terap, Kedah telah dilaksanakan oleh kontraktor Sri Haruman JS Sdn Bhd melalui kontrak Reka dan Bina (Terhad) dengan kos kontrak berjumlah RM 22,985,000.00. Kerja-kerja pembinaan bermula pada 22 Mac 2008 dan disiapkan pada 31 Disember 2010. Projek ini menggunakan sistem paip bawah tanah. Projek ini telah mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 8 Februari 2011. Dengan siapnya projek ini, para petani dapat menanam padi sebanyak 2 kali setahun berbanding 1 kali setahun. Selain itu, musim penanaman padi yang lepas menunjukkan peningkatan hasil tanaman padi dari 3.0 metrik tan/ha kepada 4.41 metrik tan/ha (Sumber dari Pejabat Pertanian Daerah Padang Terap).

Walaubagaimana pun, projek ini masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) iaitu selama 2 tahun sehingga 8 Februari 2013. Di dalam tempohini, pihak Kementerian Pertanian dan Industri AsasTani melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian

(BPSP) dengan kerjasama MADA telah mengambil langkah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang berlaku di tapak skim pengairan Bukit Sena contohnya seperti kerosakan pam, 'offtake' dan kebocoran paip. Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk membaiki kecacatan dan ketidakfungsian struktur-struktur pengairan di dalam tempoh tanggungan kecacatan ini sehingga tempoh tamat pada 8 Februari 2013. Selain itu, kontraktor juga akan menyelenggara semua sistem yang terdapat di tapak bagi membolehkan struktur pengairan dapat berfungsi dengan lancar dan baik.

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK HJ. BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]
TARIKH 20 JUN 2012
SOALAN

Datuk Hj. Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembesaran Hospital Segamat akan dibuat memandangkan tapak bersebelahan kepunyaan RTM telah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua

Projek naiktaraf Hospital Segamat akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 telah dicadangkan sebagai projek keutamaan yang akan dipohon di dalam *Third Rolling Plan RMK-10*. Tarikh akhir bagi permohonan tersebut ialah pada

30 Jun 2012. Kerja-kerja bagi Fasa 1 akan bermula pada 2013 sebaik sahaja mendapat kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

Fasa 1 akan melibatkan naiktaraf dewan bedah, unit ICU, CCU, HDW, CSSD dan Jabatan Kecemasan Hospital Segamat. Bagi Fasa 1, pembinaan projek naiktaraf tersebut akan dilaksanakan di atas tapak Hospital Segamat sedia ada dengan anggaran kos sebanyak RM30 juta.

Manakala bagi Fasa 2 pula, akan melibatkan projek naiktaraf Perkhidmatan Perubatan Hospital Segamat daripada ‘*Minor Specialist Hospital*’ kepada ‘*Major Specialist Hospital*’ yang melibatkan penambahan daripada 5 kepakaran kepada 18 kepakaran. Bagi projek naiktaraf Hospital Segamat Fasa 2, akan dilaksanakan di atas tapak Lot 6560, HSD 43746, Mukim Segamat, Daerah Segamat yang terletak bersebelahan dengan Hospital Segamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah bersetuju dengan permohonan tukarguna tanah milik persekutuan bagi Lot 6560, HSD 43746, Mukim Segamat, Daerah Segamat seluas 16.834h (41.596 ekar) daripada kegunaan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia kepada kegunaan Kementerian Kesihatan bagi tujuan tapak tambahan Hospital Segamat, daerah Segamat, Johor.

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT]
TARIKH	20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

- (a) bilangan pelajar mengikut kaum di Sekolah Kebangsaan; dan
- (b) bilangan Guru-guru Besar dan guru-guru mengikut kaum di Sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar di sekolah kebangsaan pada 31 Mac 2012 adalah seramai 2,293,763 orang. Dari jumlah tersebut 2,149,892 ialah Bumiputera, 23,958 ialah Cina, 68,236 ialah India dan 51,677 ialah lain-lain kaum.

Sementara jumlah guru di sekolah kebangsaan ialah 180,515 orang. Terdapat seramai 172,356 guru bumiputera, 3,866 guru Cina, 3,468 guru India dan 825 guru lain-lain kaum. Manakala bilangan guru besar di sekolah kebangsaan ialah 5,779 orang. Dari jumlah tersebut, 5,567 orang bumiputera, 140 Cina, 33 orang India dan 39 lain-lain kaum.

Rjm 51

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUAABELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATUK BUNG MOKHTAR

BIN RADIN

(KINABATANGAN)

TARIKH **20.6.2012 (RABU)**

SOALAN : 2QT

Minta Menteri kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaiktaraf jalan raya-jalan raya di daerah Kinabatangan seperti Jalan Raya Kampung Sinar Jaya, Jalan Raya Kampung Kuamut, Jalan raya Kampung Balat, Jalan Raya Kampung Keramuak, Jalan Raya Kampung Bangkulat-Mangkawagu dan Jalan Raya Kampung Buang Sayang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Kementerian telah menyenaraikan projek tersebut dibawah program Jalan Luar Bandar (JALB), RMKe-10 dan pelaksanaannya dijangka pada tahun 2013 hingga 2015 tertakluk kepada peruntukan mencukupi disediakan.

NO. SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaikkan jumlah penghakiman yang boleh dikenakan tindakan kebangkrutan dari RM30.000 kepada RM50.000 dan apakah rasional kenaikan jumlah tersebut.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) sedang dalam usaha untuk memperbaharui perundangan Insolvensi sedia ada. Antara perbaharuan tersebut adalah cadangan untuk menaikkan had minimum (*threshold*) jumlah hutang yang gagal dibayar daripada RM30,000 kepada RM50,000.

Cadangan ini berlandaskan kepada dua rasional utama. Pertama, untuk mengimbangi kepentingan pembiutang dan penghutang dengan menetapkan satu jumlah yang munasabah bagi pembiutang untuk memulakan proses kebankrapan yang akan mempunyai kesan drastik kepada kehidupan penghutang. Rasional kedua merujuk kepada faktor-faktor berikut:

- (a) trend ekonomi masa kini, statistik kebankrapan dan paras hutang bankrap, amaun kemudahan kredit yang ditawarkan pada masa kini oleh institusi kewangan, nilai mata wang, serta trend perundungan insolvensi di seluruh dunia;
- (b) mengelakkan pembiutang menggunakan kebankrapan sebagai satu cara untuk menguatkuasakan pembayaran hutang yang kecil yang kadang kala melibatkan kos pentadbiran kes kebankrapan itu lebih tinggi daripada jumlah hutang asal; dan
- (c) kebankrapan sebagai langkah terakhir yang lebih baik bagi si berhutang dan pembiutang dan bukan sekadar satu instrumen pungutan hutang. Kadar ini juga dapat menggalakkan lebih ramai orang untuk mempertimbangkan penyelesaian hutang dengan kaedah alternatif yang lain contohnya *debt arrangement*.

Sekian.terima kasih.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

DARIPADA

TARIKH

20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kementerian mengambil berat tentang gejala buli atau ugut yang berlaku di sekolah yang melibatkan bukan sahaja pelajar lelaki tetapi juga pelajar perempuan; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai program atau kursus khas yang berkesan untuk pelajar-pelajar yang menghadapi masalah ketidakseimbangan daripada segi mental dan emosi yang secara langsung mempunyai kecenderungan kepada gejala sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius masalah disiplin murid termasuk gejala buli atau ugut adalah perbuatan dalam kalangan murid. Sehubungan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2010 mengenai gejala tersebut untuk dijadikan punca kuasa dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana murid yang terlibat.
- (b) KPM sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai program bagi tujuan meningkatkan kesejahteraan mental dan emosi murid. Dalam hal ini, Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah telah diubah dari segi

fokus iaitu hanya berfokus kepada Pembangunan Sahsiah dan Disiplin termasuk hal berkaitan kesejahteraan mental dan emosi murid. Antara program yang dilaksanakan pada tahun 2012 termasuklah;

- i. Pelaksanaan Program Minda Sihat bersama Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah melibatkan 150 buah sekolah di seluruh negara. Program bertujuan mengenal pasti tahap stress murid dan meningkatkan daya tindak murid bagi menghadapi stress. Program ini akan diperluas ke seluruh negara;
- ii. Melaksanakan Program Jati Diri dan Menangani Gejala Ponteng. Program ini melibatkan seramai 22,400 orang murid di seluruh negara. Melalui program ini murid akan mengikuti perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling secara berfokus bagi tujuan meningkatkan pembangunan sahsiah diri dan pembinaan jati diri;
- iii. Bagi mengukuhkan lagi keseimbangan mental dan emosi murid, KPM juga melaksanakan Program Guru Penyayang dengan mengadakan aktiviti;
 - a. Mengalu-alukan kehadiran murid
 - b. Memberi penghargaan kepada murid
 - c. Program Mentor Mentee.
- iv. Melaksanakan latihan kemahiran "soft skill" kepada Pembimbing Rakan Sebaya bagi tujuan murid mempunyai kemahiran "Bantu Diri, Bantu Rakan". Peranan PRS membantu rakan-rakan di sekolah dapat mengurangkan tekanan dari segi emosi dan mental.

NO SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : YB TUAN LIEW CHIN

TONG (BUKIT BENDERA)

DARIPADA

20 JUN 2012 (RABU)

**TARIKH
LISAN**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan peruntukan pembelian 257 buah AV-8, enam SGPV dan empat buah A400M dalam pecahan seperti persenjataan, latihan dan logistik, pembuatan dan offset.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kontrak kerajaan bagi perolehan 257 buah AV-8X8 dengan syarikat DEFTECH bernilai RM7.550 billion. Peruntukan bagi perolehan ini disediakan di bawah RMKe-10.

Terdapat 12 varian kenderaan AV-8X8 yang akan dibekalkan oleh syarikat DEFTECH yang dilengkapi dengan sistem terkini seperti sistem persenjataan, sistem komunikasi, *Battlefield Management System* dan lain-lain. Kos kontrak adalah termasuk komponen latihan kepada anggota dalam aspek pengendalian dan penyelenggaraan, *Integrated Logistic System (ILS)*, kos Tim Projek, *offset* dan lain-lain.

Program *offset* bagi kontrak perolehan ini melibatkan beberapa syarikat pembuat (OEM) seperti FNSS dari Turki, Denel Land System dari Afrika Selatan dan TDA Armements dari Perancis.

Seterusnya bagi pembelian Second Generation Patrol Vessel (SGPV), pihak Kementerian masih di dalam peringkat rundingan dengan pihak syarikat. Justeru itu, sebarang aspek pecahan persenjataan, latihan, logistik, pembuatan

dan offset masih belum dimuktamadkan.
Tuan Yang Dipertua,

Bagi pesawat A400M pula, Kementerian Pertahanan pada Disember 2005 telah menyertai program pembangunan bagi empat buah pesawat A400M dengan syarikat Airbus Military Sociedad Limitada (AMSL) meliputi elemen program pembangunan pesawat bernilai RM2.420 bilion dan elemen sokongan logistik dan latihan bernilai RM381.84 juta.

Manakala bagi elemen offset, ia telah disalurkan dalam bentuk program *offset work package* bernilai anggaran €195 juta yang sedang dilaksanakan oleh syarikat CTRM.

NO. SOALAN:

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Majlis Fatwa Kebangsaan dalam mengawal pendapat-pendapat penceramah agama dalam memberi jawapan yang dianggap sebagai Fatwa oleh masyarakat awam.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengingatkan bahawa mana-mana pendapat atau pandangan hukum yang diberikan oleh mana-mana individu bukanlah fatwa. Sejak akhir-akhir ini, terdapat kekeliruan masyarakat dalam memahami maksud fatwa itu sendiri, seolah-olah apa sahaja hukum dan pandangan yang dikeluarkan oleh para pendakwah dan penceramah adalah fatwa. Ini adalah satu kesilapan dalam mendefinisikan perkataan fatwa itu sendiri.

Di Malaysia pihak yang mempunyai autoriti untuk mengeluarkan fatwa adalah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri sahaja. Oleh itu pandangan atau pendapat yang diberikan oleh mana-mana individu tidak boleh dianggap sebagai fatwa sebaliknya sekadar pandangan hukum bersifat peribadi, yang kadang-kadang bercampur aduk dengan pandangan politik. Sekiranya masyarakat memahami perkara ini maka tidak akan wujud lagi salah faham antara fatwa dan pandangan peribadi.

Selain itu, dalam usaha mengawal para penceramah agar tidak sewenang-wenangnya memberikan pendapat mereka, setiap negeri telah mensyaratkan sesiapa yang hendak menyampaikan ceramah atau mengajar agama hendaklah mendapatkan tauliah daripada Pihak Berkuasa Agama Negeri yang berkenaan. Mereka yang menyampaikan ceramah atau mengajar agama tanpa mendapat kebenaran atau tauliah boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang diperuntukan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

[SELAYANG]

TARIKH : 20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan rancangan-rancangan untuk memperbaiki kualiti dan piawai guru-

guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan kualiti dalam profesionalisme guru sama ada di sekolah rendah mahupun menengah di seluruh negara. Antara langkah penting KPM meningkatkan kualiti dan tahap profesionalisme guru ialah seperti berikut:

- i. **Menyediakan Standard Guru Malaysia (SGM) yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan;**
- ii. **Melaksanakan program pensiswazahan guru (PPG) yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik sekali gus meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPLD);**

Memastikan semua program perguruan di IPG diakreditasikan oleh MQA sebagaimana yang disyaratkan. IPGM memantau kualiti guru yang dikeluarkan melalui inisiatif mendapatkan maklum balas daripada pentadbir sekolah akan kepuasan mereka terhadap guru permulaan keluaran IPG;

KPM juga telah menyediakan standard dalam konteks bina upaya guru, standard program keguruan yang dilaksanakan dan standard guru baharu bagi memastikan semua guru mencapai dan mematuhi piawai yang ditetapkan;

v

Melaksanakan program bina upaya guru mulai tahun 2012 yang akan

menekankan kepada pembangunan pengetahuan profesional, kemahiran profesional dan watak professional dalam kalangan guru bagi meningkatkan kualiti guru supaya lebih responsif terhadap fenomena, cabaran dan harapan baharu abad ke-21;

Menjalankan pemeriksaan di sekolah yang lebih berfokus kepada peningkatan kualiti guru dan setiap dapatan pemeriksaan akan dibentangkan kepada sekolah untuk tindakan serta-merta dan dipanjangkan kepada JPN/PPD untuk program penambahbaikan sekolah; dan

Melaksanakan latihan kepimpinan pengurusan pendidikan khususnya latihan pengetua, guru besar dan pegawai pendidikan dalam Kementerian Pelajaran Malaysia. KPM mengguna pakai satu ukuran kompetensi dikenali sebagai KOMPAS untuk menilai tahap kompetensi pemimpin pendidikan tersebut khususnya pengetua dan guru besar di Malaysia sebelum mereka mengikuti latihan.

SOALAN NO.?/

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA , PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH
(DUNGUN)**

TARIKH : 20 JUN 2012(RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh (Dungun) minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan Kerajaan ke atas lebih 50 peratus restoran termasuk

kopitiam di sekitar Lembah Klang yang dikesan masih menggunakan sijil halal yang tidak diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' JAMIL KHIR
BAHAROM (B), MENTERI DIJABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa menjalankan pemeriksaan terhadap premis dan kopitiam yang terletak di sekitar Lembah Klang dan kawasan- kawasan yang lain. Mana-mana syarikat atau premis yang masih

menggunakan sijil atau logo halal swasta akan diberikan nasihat untuk menurunkan sijil dan logo halal tersebut dan seterusnya dinasihatkan memohon sijil halal daripada JAKIM atau JAIN/MAIN.

Malah bermula April 2012, mana-mana premis yang masih ingkar akan diberikan notis amaran. Sehingga 25 Mei 2012, JAKIM telah mengeluarkan sebanyak 364 amaran. Selepas 30 Jun 2012, jika masih terdapat premis atau kopitiam yang menggunakan sijil atau logo tidak diiktiraf, tindakan undang-undang akan dikenakan, jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, ia akan didenda tidak melebihi RM250,000, dan bagi kesalahan kedua dan yang berikutnya RM500.000. Jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, ia boleh didenda tidak melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, penalti maksimum tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua- duanya.

Hasil daripada pemantauan yang dijalankan oleh JAKIM keatas 237 premis **makanan dan kopitiam di sekitar Lembah Klang**, didapati 16 buah Kopitiam lagi yang masih menggunakan logo halal swasta. Amaran telah diberikan kepada mereka dan sekiranya masih ingkar, tindakan undang-undang akan diambil mulai 1 Julai 2012. Dalam pada masa yang sama, sebanyak 53 buah kopitiam telah mendapat Sijil Halal Malaysia dan 13 permohonan lagi masih dalam proses permohonan sijil halal.

Sekian, terima kasih

NO. SOALAN:

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YB TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]

TARIKH 20 JUN 2012 [RABU]

SOALAN :

Tuan Mohsin bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani ajaran sesat. Berapakah jumlah mereka yang terlibat mengikut negeri.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam menangani ajaran sesat daripada terus berleluasa. Untuk itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan

Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan ajaran sesat. Tindakan yang diambil adalah seperti berikut:-

- i) memfatwakan ajaran-ajaran yang disahkan sesat atau bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bagi ajaran sesat yang belum ada fatwa, kajian susulan secara terperinci dan kemaskini dibuat dan seterusnya memfatwakan ajaran-ajaran sesat berkenaan di peringkat kebangsaan. Kemudian keputusan fatwa berkenaan dibawa ke negeri untuk difatwakan di peringkat negeri-negeri dan seterusnya diwartakan;
- ii) meminta negeri-negeri supaya memfatwakan dan mewartakan ajaran sesat yang telah difatwakan di peringkat kebangsaan;
- iii) mengadakan majlis penjelasan akidah kepada mereka yang terlibat dengan ajaran sesat berkenaan sama ada di peringkat negeri atau pusat;
- iv) memberi kaunseling agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu mengembalikan akidah dan kehidupan mereka kepada kehidupan normal masyarakat; dan
- v) meneliti untuk diambil tindakan undang-undang mengikut peruntukan yang sedia seperti Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri melalui mahkamah syariah.

Sehingga kini terdapat sebanyak 98 ajaran sesat yang telah difatwakan sesat oleh negeri-negeri seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 8 buah kumpulan ajaran sesat telah dikenalpasti sebagai **aktif**, iaitu:

- a) Kumpulan Al-Arqam/ Rufaqa'/ Global Ikhwan Sdn. Bhd.(GISB)

- b) Syiah
- c) Pertubuhan Kerabat Raja Sakti (PKRS)- penjenamaan semula dari Ajaran Azhar Wahab (al-Mansur)
- d) Ajaran Ilmu Hakikat
- e) Ajaran Islam Jamaah
- f) Ajaran Qadiani Ahmadia
- g) Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya
- h) Ajaran Aurad Ismailiah

Manakala jumlah pengikut bagi setiap kumpulan ajaran sesat tersebut adalah sukar untuk ditentukan kerana tidak ada anggaran yang tepat dan tambahan pula kumpulan-kumpulan tersebut tidak berdaftar secara sah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :

33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN

DARIPADA

DEWAN RAKYAT

LISAN

**TARIKH YB DATO' SRI HAJI ZULHASNAN
BIN RAFIQUE (SETIAWANGSA)**

20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah bentuk pendidikan berterusan yang diberikan kepada warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mempertingkatkan kepakaran dan kesiiapsiagaan ATM di dalam menghadapi cabaran dunia moden pada hari ini.

**Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN,**

Sebagai sebuah organisasi penting yang mempunyai peranan menjaga kesejahteraan dan keselamatan negara kita, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai tanggungjawab yang semakin mencabar seiring dengan perubahan dan keadaan semasa. Keadaan sedemikian sentiasa menuntut komitmen yang tinggi dari setiap Warga ATM. Untuk tujuan tersebut ATM sentiasa memberi peluang kepada setiap warganya memperoleh pengetahuan akademik dan dalam masa yang sama meningkatkan kecekapan serta peningkatan kerjaya masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Bentuk pendidikan berterusan untuk meningkatkan kepakaran atau kemahiran di dalam perkhidmatan ATM terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- 1) Bahagian pertama adalah penawaran kursus-kursus kepakaran ketenteraan mengikut perkhidmatan Darat, Laut dan Udara dilaksanakan di Pusat-Pusat Latihan ATM. Di samping itu ATM juga akan menghantar pegawai dan anggota ke luar negara untuk kursus-kursus kepakaran ketenteraan demi usaha memastikan tahap profesionalisme dan kemahiran warga ATM berada

setaraf dan setanding peringkat global.

- 2) Bahagian kedua pula dalam usaha meningkatkan kompetensi warga ATM secara keseluruhan dan berterusan ianya dilaksanakan melalui usahasama dengan Universiti-Universiti tempatan seperti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan lain-lain seperti Politeknik yang mana menawarkan program pengajian peringkat Diploma, Sarjana, Master dan PHD di atas pembiayaan pihak ATM.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
(PULAI)**

TARIKH 20 JUN 2012 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan dasar Kerajaan dalam menggunakan media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* untuk

mendekati dan menyampaikan serta menjelaskan dasar-dasar Kerajaan kepada golongan remaja yang mahir IT. Jelaskan langkah-langkah dalam mengukur sokongan sebenar generasi muda terhadap Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di negara ini *Twitter* dan *Facebook* memang secara meluas digunakan oleh pengguna media sosial. Kedua-duanya merupakan medium berpengaruh dalam dunia media sosial dan amat popular dikalangan warga muda. Beberapa Jabatan Kerajaan sedia menggunakan kedua-dua media ini. Apa-apa perbuatan atau ungkapan yang didapati salah disisi undang-undang berkaitan media cetak adalah juga salah jika dilakukan oleh pengamal media sosial.

Sempena Sambutan Hari Belia Negara 2012 yang diadakan pada 23 hingga 27 Mei 2012 lalu, Kementerian ini telah menjalankan kajian untuk mengukur sokongan sebenar generasi muda terhadap Kerajaan. Seramai 32,850 orang dalam kalangan warga negara Malaysia berumur 15 hingga 40 tahun yang merupakan golongan belia telah ditemuramah secara rawak di lokasi perhimpunan Jutaan Belia Putrajaya. Hasil kajian tersebut menunjukkan tahap persetujuan belia mengenai perhimpunan belia yang mencerminkan sokongan generasi muda terhadap kerajaan melebihi tahap sederhana dengan skor purata 3.70 daripada 5 atau 74%.

H0. ££>AIAn1 :

3 -NO.AUM :2i-

-NGr-Ayp-r

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]
TARIKH : 20 JUN 2012
RUJUKAN : 4838

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang lahir di luar negara sejak tahun 1957 hingga 1990, serta nyatakan negara mereka dilahirkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah rakyat Malaysia yang lahir di luar negara sejak tahun 1957 hingga tahun 1990 adalah sebanyak **41,912 orang**. Mengikut rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) jumlah kelahiran di negara luar yang direkodkan adalah sebanyak 97 buah negara. Pecahan mengikut lima (5) negara kelahiran tertinggi adalah seperti berikut:-

- | | | |
|-------|------------------|--------------------|
| (i) | Singapura | - 13,260 orang; |
| (ii) | Britain | - 6,006 orang; |
| (iii) | Brunei | - 4,819 orang; |
| (iv) | Amerika Syarikat | - 4,103 orang; dan |
| (v) | Australia | - 3,346 orang. |

Kelahiran di luar negara kebiasaanya berlaku disebabkan oleh penghijrahan atas bekerja, belajar serta mengikut pasangan bagi individu yang berkahwin dengan warga asing.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG**
(WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **20.06.2012**

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) jumlah pekerja Khazanah sebelum dan selepas Jun 2004 dan jumlah perhitungan terperinci kos gaji, bonus yang dibayar kepada semua pekerja bagi setiap tahun dari 2002 sehingga 2011, kesemua gaji tahunan keseluruhan termasuk ganjaran untuk setiap tahun dari 2003 hingga Jun 2004 dan untuk Pengarah Urusan Khazanah dan Pengarah Eksekutif, iaitu Dato' Mohammad Zainal Shaari, En Ganen Sarvanathan, En Ben Chan, Michael Jude Fernandes, En Joseph Dominic Silva, Dato' Nungsari Ahmad Radhi, Dato' Noorazam Abd Aziz, En Kenneth Shen, En Mohd Izani Ghani dan En Ahmad Farouk Mohammed daripada Jun 2004 hingga 2012; dan
- (b) perhitungan terperinci kos fi Konsultan yang dibayar oleh Khazanah bagi tahun 2001, 2002, 2003, dari 1 Januari 2004 hingga 31 Mei 2004, dari 1 Jun 2004 hingga 31 Disember 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, seiring dengan mandat baru yang diterima oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) pada tahun 2004 untuk meneroka peluang pelaburan dalam sektor baru yang strategik, keperluan modal insan Khazanah juga telah dipertingkatkan bagi menyokong matlamat serta keperluan organisasi. Lanjutan daripada itu, jumlah kakitangan Khazanah telah meningkat daripada 33 orang pada 14 Mei 2004 kepada 412 orang pada 1 Jun **2012**.

2. Khazanah menetapkan ganjaran kakitangannya berpandukan kepada garis panduan yang terkandung dalam Buku Biru (berkaitan Peningkatan Pengurusan Prestasi) terbitan Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG), bagi menarik serta mengekalkan bakat dari luar. Garis panduan tersebut antara lainnya menetapkan gaji asas kakitangan yang kompetitif berbanding pasaran (tidak melebihi 50 persentil gaji asas purata syarikat-syarikat swasta setaraf), memastikan kenaikan gaji asas mencerminkan prestasi individu dan syarikat. Di samping itu, keseluruhan ganjaran yang ditawarkan perlulah kompetitif berbanding pasaran, di mana jumlah ganjaran termasuk bonus dibayar berdasarkan kepada prestasi individu dan syarikat serta penggunaan wang tunai sebagai ganjaran atau insentif.
3. Di antara tahun 2001 sehingga tahun 2003, jumlah kos bagi khidmat perunding luar yang dibelanjakan oleh Khazanah mewakili kira-kira 0.08% daripada jumlah nilai urus niaga pelaburan (RM8.3 bilion) dan pelupusan (RM2.0 bilion). Sementara di antara Mei 2004 hingga Disember 2011 pula, jumlah kos bagi khidmat perunding luar yang dibelanjakan oleh Khazanah mewakili kira-kira 0.6% daripada jumlah nilai urus niaga pelaburan (RM45.5 bilion) dan pelupusan (RM31.7 bilion).
4. Peningkatan kos berkaitan khidmat perunding luar adalah selari dengan peningkatan jumlah pelaburan, peningkatan kemampuan operasi serta pelbagai inisiatif peringkat kebangsaan yang lain, selari dengan mandat baru Khazanah. Bagaimanapun, kadar ini tetap lebih rendah berbanding kadar pasaran bagi khidmat perunding luar yang biasanya dibayar oleh institusi pelaburan lain iaitu antara 1.0% hingga 1.5%.

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH: 20 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah perbelanjaan tambahan yang digunakan dalam melaksanakan gaji minima.

PR-1252-L49715

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan kepada kajian oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara, pelaksanaan gaji minimum akan menyebabkan jumlah peningkatan langsung dalam pembayaran upah sebanyak 9.5% atau pun peningkatan sebanyak satu hingga lima peratus (1% - 5%) dalam kos pengeluaran keseluruhan.

NO. SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. DATO' SERI MOHD. RADZI
BIN SHEIKH AHMAD (KANGAR)**

TARIKH JAWAPAN : 20 JUN 2012 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa bacaan meter bagi bekalan elektrik tidak dibuat setiap bulan dan bil dikeluarkan sekarang berdasarkan anggaran penggunaan bulanan yang membebankan orang ramai apabila menerima bil sebenar tiga bulan sekali.
Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan bacaan meter sekali dalam tempoh dua bulan adalah merupakan salah satu inisiatif yang telah diambil oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk meningkatkan lagi kecekapan operasinya. Amalan ini telah dimulakan oleh TNB semenjak Januari 2009 dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat ke seluruh negeri di Semenanjung dan telah digunakan sepenuhnya mulai bulan Jun 2010. Walau bagaimanapun buat masa ini TNB masih belum melaksanakan pembacaan meter tiga bulan sekali yang membolehkan pengguna menerima bil sekali dalam setiap 3 bulan.

Pembacaan meter secara dwi-bulanan ini seharusnya tidak membebangkan atau mendatangkan sebarang kesan negatif kepada rakyat. Ini kerana, pada kebiasaannya, kadar penggunaan bekalan elektrik bulanan pengguna tidak

JAWAPAN

mempunyai perbezaan ketara setiap bulan. Sehubungan itu, sekiranya terdapat sebarang kekurangan atau terlebih bayar ke atas bil bagi bulan-bulan yang tidak dibuat pembacaan akan diselaraskan semasa pembacaan bil dibuat pada bulan berikutnya. Melalui kaedah pembacaan bil setiap dua bulan, pihak TNB akan dapat menjimatkan kos operasi, khususnya daripada segi penggunaan tenaga kerja untuk tugas-tugas pembacaan bil yang kebiasaan dilakukan secara bulanan.

Untuk makluman Yang Berhormat, amalan ini juga turut diguna pakai di negara-negara maju seperti Singapura, Australia, United Kingdom, Jerman, Perancis dan Amerika Syarikat. Malahan, di negara-negara tersebut, pembacaan meter hanya dibuat bagi setiap tiga (3) bulan atau enam (6) bulan sekali dan amalan ini didapati berjaya mengurangkan kos operasi syarikat utiliti yang beroperasi di negara-negara tersebut. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sememangnya menyokong amalan tersebut dan ianya wajar diteruskan bagi meningkatkan tahap kecekapan operasi TNB ke arah menyalurkan perkhidmatan bekalan elektrik yang lebih berdaya harap kepada rakyat pada masa hadapan.

NO SOALAN : 39 PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

DARIPADA

LISAN

**YB PUAN SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOF (RANTAU
PANJANG)**

TARIKH

20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah kerajaan bercadang mengkaji balik pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dengan pendekatan yang lebih bersepadu di peringkat sekolah lagi.

3ULST

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Program Latihan Khidmat Negara telah disusun dan dibangunkan dengan begitu teliti untuk kumpulan sasar antara 16 tahun hingga 35 tahun. Pendekatan PLKN adalah sesuatu yang berbeza dan unik. Justeru itu, konsep interaktif melalui Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dengan menggalakkan perkongsian pengetahuan, pengalaman dan perasaan terhadap sesuatu isu seperti kenegaraan dan perpaduan amatlah bersesuaian dengan konsep PLKN. Konsep belajar melalui pengalaman (*experiential learning*) yang diterapkan kepada pelatih-pelatih PLKN adalah bertindak mengukuhkan lagi pengetahuan yang diperolehi semasa di sekolah. Aktiviti yang tidak melibatkan elemen peperiksaan ini dilihat mampu dihayati tanpa memberi tekanan kepada pelatih. Selain itu, PLKN adalah “pelengkap” kepada sistem pendidikan di peringkat sekolah yang dapat membentuk generasi muda yang seimbang dan harmonis berasaskan kepada falsafah pendidikan negara (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial).

Sehubungan dengan itu, pada masa sekarang kerajaan tidak bercadang untuk menerapkan pelaksanaan PLKN di

JAWAPAN:

peringkat sekolah.

3ULST

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
[BATANG SADONG - BN]**

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN NO. 40

Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan membantu membina Kompleks sukan di kawasan Sadong Jaya dan Simunjan bagi membolehkan belia berkumpul menjalani latihan sukan dengan sempurna.

JAWAPAN: **SULIT** |

JAWAPAN

Untuk makluman, buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk membina kompleks sukan di daerah Batang Sadong dalam RMK-10. Walau bagaimanapun, Kementerian telah membina sebanyak 9 buah gelanggang futsal di Parlimen Batang Sadong untuk tujuan riadah.

JAWAPAN

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATO' SRI AZALINA BINTI
DATO' OTHMAN SAID [
PENGERANG]**

**TARIKH JAWAPAN
DI DEWAN RAKYAT**

20 JUN 2011 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah terdapat sebarang perancangan atau kajian bagi menggantikan penggunaan diesel kepada sumber yang lebih mesra alam dan menjimatkan kos bagi penggunaan kenderaan dan jentera berat seperti bas, lori dan sebagainya.
Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar sektor pengangkutan adalah merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran gas rumah hijau (*greenhouse gases - GHG*). Secara statistiknya, penyumbang terbesar pelepasan karbon dioksida di Malaysia adalah sektor pengangkutan iaitu sebanyak 40.5%, diikuti sektor industri (38.6% dan seterusnya sektor bangunan (13.1%). Penghasilan GHG ini adalah kerana penggunaan bahanapi fosil dalam sektor berkenaan.

Sehubungan dengan ini, KeTTHA berusaha untuk mempromosikan penggunaan kenderaan elektrik bagi mengurangkan penggunaan bahan api fosil termasuk diesel. Di bawah Dasar Automotif Nasional, KeTTHA telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Pelan Induk Infrastruktur Kenderaan Elektrik. KeTTHA juga sedang bekerjasama dengan pengeluar-pengeluar kenderaan elektrik bagi menjalankan program rintis kenderaan elektrik bagi kenderaan penumpang. Program rintis ini akan dilaksanakan di kawasan sekitar Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Pelaksanaan program rintis ini adalah bertujuan mendapatkan data-data teknikal dan pandangan orang awam dalam menyediakan Pelan Induk Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle Masterplan*) yang akan bermula 2013.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Satu inisiatif bagi menggunakan bas elektrik sebagai kenderaan awam juga sedang dibangunkan oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad. Projek rintis ini akan dilaksanakan di dalam Projek *Bus Rapid Transit (BRT) - Sunway Line* dan akan melibatkan sebanyak 15 buah bas elektrik.

Dalam pada itu, *Malaysia Automotive Institute (MAI)* di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pula sedang mempelopori kajian *Energy Efficient Vehicle (EEV)* untuk tujuan yang sama.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selain daripada itu, Kerajaan juga memperkenalkan penggunaan biodiesel untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil. Pada tahun

2009, program penggunaan biodiesel iaitu Program B5 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah diperkenalkan di peringkat agensi Kerajaan iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mana lebih 3,900 kenderaan diesel mereka digerakkan dengan menggunakan bahan api B5.

Pada Jun 2011, pelaksanaan Program B5 telah diperluaskan ke Wilayah Tengah Semenanjung yang merangkumi Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor. Pelaksanaan penggunaan B5 di Wilayah Tengah melibatkan 1,150 stesen minyak dan secara tidak langsung akan dapat mengurangkan penggunaan hampir 91.2 juta liter diesel dalam tempoh setahun.

Pelaksanaan Program Rintis Kendaraan Elektrik dan Program B5 dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil selain menyumbang kepada pengurangan kadar pelepasan GHG bagi menjamin persekitaran yang mesra alam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. Datuk Juslie bin Ajirol
KAWASAN Libaran 20.6.2012 42
TARIKH
NO. SOALAN

Y.B. Datuk Juslie bin Ajirol minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mencari pelaburan baru di negara-negara ketiga seperti Myanmar, Kemboja, Laos serta beberapa negara di benua Afrika.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di luar negara terutamanya di negara-negara ketiga seperti ASEAN, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperluaskan bidang pelaburan dan perdagangan di luar negara adalah seperti berikut:

- i. mempertingkatkan misi galakan perdagangan dan pelaburan termasuk ke negara-negara pasaran baru;
- ii. melaksanakan misi '*facts finding*' bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai peraturan, tatacara perniagaan dan '*business environment*' di pasaran-pasaran baru. Maklumat ini akan disebarluaskan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia melalui Dewan-dewan Perniagaan;
- iii. memanfaatkan dan mempergiatkan penyertaan Malaysia di dalam pameran perdagangan serta mengadakan Pameran Khas (*Specialized Exhibition*) di luar negara bagi meneroka pasaran-pasaran baru; dan
- iv. menggalakkan syarikat-syarikat dari luar negara melawat Malaysia dan menyertai pameran-pameran yang dianjurkan oleh sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan. Melalui usaha ini syarikat-syarikat Malaysia berpeluang untuk mewujudkan jaringan perniagaan dengan syarikat-syarikat dari luar negara.

Di antara prog ram-prog ram yang dianjurkan sewaktu misi galakan perdagangan dan pelaburan adalah:

- seminar mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia dan negara-negara yang dilawati;
- sesi pemadanan perniagaan individu di antara syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat-syarikat di negara-negara yang dilawati; dan
- memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat di Malaysia mengenai peluang-peluang pelaburan di negara-negara yang dilawati.

Selain daripada usaha-usaha galakan pelaburan di atas, Malaysia juga telah membuka peluang bagi syarikat-syarikat Malaysia meluaskan pelaburan melalui perjanjian-perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani. Syarikat-syarikat Malaysia boleh melabur di dalam sektor-sektor yang telah diliberalisasi di bawah perjanjian-perjanjian perdagangan bebas tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, syarikat-syarikat Malaysia telah

memperluaskan operasinya di ASEAN, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah. Pelaburan syarikat-syarikat ini merangkumi bidang-bidang seperti perkilangan, pembinaan, pelancongan, perkhidmatan, minyak dan gas, perladangan dan harta tanah. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia berjaya menembusi pasaran dan dapat bersaing dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang lain.

Melalui pelaburan tersebut, syarikat-syarikat Malaysia yang lain turut mendapat faedah melalui penyertaan di dalam aktiviti '*supply chain*' di dalam perniagaan tersebut. Selain daripada itu, syarikat-syarikat Malaysia ini turut mengimport barang dari Malaysia untuk keperluan pelaburan mereka di negara-negara tersebut.

Kerajaan Malaysia komited untuk terus membantu dan membuka peluang bagi syarikat-syarikat Malaysia berkecimpung di dalam pasaran baru di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

JAWAB LISAN

DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN

TARIKH

20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

NO. 43

Dato¹ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan maklum balas dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terhadap Pelan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan berapa nisbah bahasa-bahasa rujukan Bahasa Melayu berbanding Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah merangka pelbagai usaha bagi memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi telah dilancarkan pada Oktober 2011 yang lalu. Pelan ini mempunyai empat Objektif Strategik iaitu mengukuhkan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran, mengukuhkan Bahasa Melayu dalam penyelidikan dan penerbitan, meningkatkan pengiktirafan akademia Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu dan

meningkatkan pengantarabangsaan bahasa Melayu. Pelaksanaan pelan ini adalah bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2015.

Berdasarkan objektif strategik kedua, iaitu mengukuhkan Bahasa Melayu dalam penyelidikan dan penerbitan, Kementerian telah menggalakkan setiap ahli akademik di setiap IPT untuk menyebar luas bahan akademik terutamanya dalam Bahasa Melayu melalui pelbagai medium penerbitan ilmiah, seperti penghasilan bahan ilmiah secara perkongsian dan berpasukan, individu, penterjemahan dan sebagainya.

Perwujudan pelan ini telah disambut baik oleh pihak IPTA memandangkan ia memberikan nilai tambah dan pengiktirafan kepada Bahasa Melayu itu sendiri. Sehingga Mei 2012, terdapat lebih kurang 350,000 bahan rujukan di dalam Bahasa Melayu berbentuk buku, jurnal, monograf, e-books dan tesis di lima (5) buah Universiti Penyelidikan (RU) iaitu USM, UM, UKM, UPM dan UTM. Manakala bahan rujukan dalam Bahasa Inggeris pula dianggarkan sebanyak 2,500,000 buah dan lain-lain bahasa sebanyak 150,000 buah buku.

WO SOAL/VN! • W

~~NO. AUM : 38—~~

NGT-AUP-4-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
TARIKH	20 JUN 2012
RUJUKAN	4839

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warga asing yang diberi status kerakyatan setiap tahun mulai tahun 2008-2012, mengikut negeri bermastautin.

JAWAPAN
Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gopeng yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah warganegara asing yang telah diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia semenjak tahun 2008 sehingga Mei 2012 adalah seramai 33,907 orang. Dalam hal ini, Kementerian hanya merekodkan permohonan mengikut negeri permohonan tersebut dibuat. Walau bagaimanapun, setelah seseorang individu tersebut telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia, individu tersebut adalah bebas untuk bermastautin dimana-mana negeri dalam Persekutuan.

MO SOALAN : 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' LILAH BIN YAS1N (JEHHPOL)
TARIKH	20 JUN 2012
SOALAN :	

Minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) Apakah projek-projek perumahan untuk generasi kedua FELDA yang telah dibuat dan akan dilaksanakan di Parlimen Jempol; dan
- (b) Bilakah projek perumahan Feldajaya Fasa 2 mula dilaksanakan.
Berapakah unit yang terlibat dan berapa anggaran harga seunit rumah.

<u>JAWAPAN</u>	DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAM MEMTEFtS DI JPS1
----------------	--

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan perumahan generasi kedua FELDA di Gugusan Palong iaitu pembangunan fasa kedua (2) di FELDAjaya Raja Alias, Jempol masih belum dapat dilaksanakan memandangkan ia masih berada di peringkat kajian dan perbincangan. Namun begitu, pembangunan fasa pertama (1) telah pun siap sepenuhnya pada tahun 2007. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pembangunan fasa pertama mengandungi komponen seperti kediaman moden sebanyak 88 unit, 10 unit kedai, kompleks tadbiran FELDA, Kolej Integrasi ilmu (KINI), taman rekreasi, pusat perniagaan, stesen bas, pasar, surau dan pusat pentadbiran FELDA Wilayah Raja Alias. Projek tersebut sehingga kini telah melibatkan kos sebanyak RM93.1 juta.

Mengenai cadangan pembinaan rumah kos rendah di bawah projek Perumahan Warga FELDA (PWF) dalam fasa kedua (2), dijangka dimulakan selepas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Komponen-komponen terlibat seperti rumah teres kos sederhana rendah sebanyak 150 unit, rumah teres kos rendah sebanyak 400 unit dan 10 unit kedai setingkat. Anggaran awal kos bagi projek PWF ini adalah sebanyak RM50 juta. Projek perumahan fasa ke-2 di Feldajaya Selatan ini tertakluk kepada kemampuan kewangan FELDA dan sekiranya dilaksanakan kelak harga-harga yang ditawarkan berdasarkan kepada harga pasaran semasa harta tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, harga rumah di Feldajaya fasa 1 adalah di antara RM122,000 hingga RM202.000 mengikut jenis dan spesifikasi rumah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

[KUALA KRAI]

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli [KUALA KRAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada YAB. Perdana Menteri akan memohon maaf dan menarik balik kata-kata kasar ‘haram jadah’ yang dihamburkannya dalam ucapan beliau di Felda Jengka 8, Jerantut pada 8 Mei lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Soal permohonan maaf tidak timbul memandangkan kata-kata tersebut diungkapkan sebagai ekspresi kolokial (colloquial expression) semata-mata, tanpa ditujukan kepada mana-mana individu.

Sekian, terima kasih.

NO- ; ^
NO. AUM-T45
-NO. AUP f

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH 20 JUN 2012

RUJUKAN 4994

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) usaha-usaha Kementerian dalam membanteras masalah orang hilang yang kian meningkat kebelakangan ini; dan

(b) berikan pecahan kes yang dilaporkan hilang dan berapa yang dijumpai semula dari tahun 2008 hingga 2011.
Tuan yang di-Pertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bagi menjawab soalan (a), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) begitu komited dalam membanteras masalah orang hilang yang kian meningkat sejak kebelakangan ini. Antara usaha yang telah diambil oleh pihak PDRM adalah seperti:-

- (1) Mengadakan aktiviti seperti syarahan, forum, pameran dan aktiviti yang melibatkan orang hilang serta bertemakan keselamatan secara berterusan;
- (2) Mengadakan rondaan berterusan di sekitar kawasan perumahan, kedai, sekolah dan tempat-tempat yang selalu dikunjungi (pusat membeli belah, kelab dan lain-lain);
- (3) Menjalinkan kerjasama antara PDRM dengan Jabatan dan Agensi Kerajaan serta Agensi Swasta dan NGO seperti JKKK, Kesatuan Penduduk, Syarikat Keselamatan, RELA, JPAM dan lain-lain bagi mencegah dan menyelesaikan permasalahan ini; dan
- (4) Mengenal pasti punca kejadian bagi memudahkan pihak PDRM dan pihak-pihak yang berkaitan melakukan pencegahan dan menyelesaikan kes-kes yang dilaporkan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, pada tahun 2008, sebanyak 2,296 kes orang hilang telah dilaporkan, dan hanya 1,214 berjaya ditemui semula. Bagi tahun 2009, sebanyak 2,238 kes telah dilaporkan dan sebanyak 1,054 telah berjaya ditemui. Manakala pada tahun 2010 pula, sebanyak 2,031 kes dilaporkan dan sebanyak 992 telah berjaya ditemui semula. Pada tahun 2011 pula, sebanyak 1,097 keseluruhan kes telah dilaporkan manakala hanya 406 kes sahaja telah berjaya ditemui semula.

SOALAN (48)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

DARIPADA Y.B TUAN TENG BOON SOON
 [TEBRAU]

SOALAN

Y.B TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah kadar kenaikan tahunan, harga semua jenis rumah kediaman di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan George Town, Pulau Pinang bagi 4 tahun yang lalu sejak tahun 2011 dan apakah peratusan pemilikan orang asing.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) menunjukkan bahawa harga rumah kediaman di Malaysia secara puratanya telah mencatat aliran meningkat dari tahun 2008 di mana purata harga rumah pada tahun tersebut adalah RM178,238. Manakala pada tahun 2011, purata harga rumah telah meningkat kepada RM206.513. Ini menunjukkan kadar kenaikan purata bagi harga rumah dari tahun 2008 berbanding 2011 adalah sebanyak RM28,275 atau 13.69%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kenaikan harga rumah bagi Johor Bahru menunjukkan bahawa Indeks bagi "Semua Rumah" di Negeri Johor mencatatkan peningkatan sebanyak 16% bagi tempoh 2008 hingga 2011. Untuk kenaikan harga rumah mengikut jenis pula, indeks bagi rumah teres, unit bertingkat tinggi, sesebuah dan berkembar masing-masing meningkat 15.5%, 21.8%, 9.4% dan 20.1% bagi tempoh 2008 hingga 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula Indeks harga bagi "Semua Rumah" meningkat sebanyak 22.7% antara tahun 2008 dan 2011. Untuk kenaikan harga rumah mengikut jenis pula, indeks bagi rumah teres, unit bertingkat tinggi, sesebuah dan berkembar masing-masing meningkat 22.9%, 34.0%, 12.1%

dan 31.9% iaitu bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi George Town pula Indeks harga bagi “Semua Rumah” meningkat 17.2% antara tahun 2008 dan 2011. Mengikut jenis pula, indeks bagi rumah teres, unit bertingkat tinggi dan berkembar masing-masing meningkat 26.0%, 11.9% dan 14.8% manakala rumah sesebuah menurun 6.7% bagi tempoh 2008 hingga 2011.

Berkenaan peratusan pemilikan warga asing, sepanjang tempoh 2008 hingga 2010, Johor Bahru telah merekodkan *trend* yang meningkat bagi peratusan pemilikan rumah oleh warga asing tetapi menurun sedikit pada tahun 2011. Pada tahun 2008 daripada 12,078 unit rumah yang dijual di Johor Bahru, pemilikan oleh warga asing adalah hanya 1.4% (167 unit). Pada tahun 2009 dan 2010, peratusan pemilikan oleh warga asing, terus meningkat masing-masing kepada 1.6% (211 unit : 13,478 unit yang dijual) dan 2.0% (277 unit: 13,516 unit yang dijual). Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 peratusan pemilikan menurun sedikit kepada 1.8% (290 unit :16,364 unit yang dijual).

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, sepanjang tempoh 2008 hingga 2011, peratusan pemilikan rumah oleh warga asing di dapati

menurun. Pada tahun 2008, pemilikan oleh warga asing adalah 5.1% (960 unit) berbanding 18,840 unit rumah yang dijual di Kuala Lumpur,. Pada tahun 2009, 2010 dan 2011, peratusan pemilikan oleh warga asing terus menurun masing-masing kepada 4.1% (821 unit: 20,220 unit yang dijual), 3.6% (771 unit : 21,262 unit yang dijual) dan 3.3% (799 unit : 24,314 unit yang dijual).

Begitu juga di George Town yang merekodkan *trend* penurunan pemilikan asing yang hampir sama dengan Kuala Lumpur. Pada tahun 2008 pemilikan oleh warga asing adalah 2.5% (51 unit) berbanding 2,060 unit rumah yang dijual di George Town. Pada tahun 2009, 2010 dan 2011, peratusan pemilikan oleh warga asing terus menurun masing-masing kepada 2.4% (50 unit: 2,045 unit yang dijual), 2.2% (491 unit: 2,181 unit yang dijual) dan 1.9% (56 unit: 2,911 unit yang dijual).

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [JERAI]

TARIKH **20 JUN 2012**

RUJUKAN **4982**

SOALAN:

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pendatang haram dan pemberian kad pengenaian palsu yang berlaku di seluruh negara seperti yang dilaporkan media baru-baru ini.
Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca kehadiran warganegara asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab suatu pihak sahaja tetapi sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak. Semua rakyat Malaysia juga perlu turut serta dalam membanteras PATI dengan tidak memberi perlindungan kepada mereka dengan menyewa premis atau harta benda kepada PATI atau menggaji PATI. Selagi rakyat Malaysia sendiri bersekongkol dengan PATI, adalah sukar bagi agensi penguat kuasa mengurangkan atau membanteras PATI di dalam negara. Namun begitu, usaha-usaha berterusan dan gigih akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan demi memastikan kesejahteraan rakyat negara ini tidak dimudaratkan oleh kemasukan warga asing.

Antara impak positif pelaksanaan Program 6P adalah seperti berikut:

- i. Kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;
- ii. Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;
- iii. Menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;
- iv. Memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor-sektor ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru;
- v. Menangani isu ketirisan dalam pengutipan levi pekerja asing dan sekali gus meningkatkan hasil pendapatan negara.

Kerajaan sentiasa melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di dalam negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian Dalam Negeri tidak mengeluarkan kad pengenaian bertaraf warganegara (MyKad) yang sah mahupun palsu kepada PATI. Pemberian taraf kewarganegaraan adalah hanya kepada pemohon yang berkelayakan berlandaskan peruntukan undang-undang semasa di bawah

Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

TARIKH: 20 JUN 2012

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) sebab-sebab kadar gaji minimum di negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia tidak seragam; dan
- (b) jenis-jenis masalah yang bakal dihadapi oleh pihak majikan bila mana dasar gaji minima ini dikuatkuasakan.

PR-1252-L49204

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengambil kira beberapa kriteria dalam menetapkan gaji minimum pada tahap RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan untuk Sabah, Sarawak

serta Wilayah Persekutuan Labuan. Kriteria-kriteria yang digunakan ialah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), gaji penengah (*median wage*) sebagai indikator keupayaan majikan untuk membayar gaji, peningkatan produktiviti buruh, indeks harga pengguna dan kadar pengangguran.

2. Gaji minimum tidak wajar diseragamkan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak memandangkan gaji penengah di Semenanjung Malaysia adalah pada kadar RM1,134 berbanding di Sabah dan Sarawak yang masing-masing pada kadar RM577 dan RM738. Walau bagaimanapun, untuk jangka masa panjang Kerajaan berharap supaya kadar gaji minimum bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dapat diselaraskan kepada satu kadar untuk seluruh negara. Perkara ini boleh dilakukan kerana mengikut Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732), gaji minimum hendaklah dikaji sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun.
3. Berhubung dengan jenis-jenis masalah yang bakal dihadapi oleh pihak majikan, Kerajaan sedar kemungkinan berlakunya isu penstrukturran semula upah khususnya bagi sistem pembayaran upah mengikut *piece-rated*, bilangan perjalanan (*trip based*), komisen, isipadu (*tonnage*) dan bagi industri-industri yang membayar gaji bergantung kepada nilai kontrak. Sebagai contoh, majikan-majikan dalam sektor kawalan keselamatan dan sektor penyelenggaraan mungkin menghadapi masalah pelaksanaan pada peringkat permulaan. Ini kerana kebanyakan perkhidmatan yang berasaskan kontrak itu mempunyai perjanjian kontrak antara 1 hingga 3 tahun.

Pembayaran gaji bagi pekerja di sektor tersebut adalah bergantung kepada nilai kontrak.

5. Satu **Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Gaji Minimum** telah ditubuhkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara pada 23 Mei 2012 untuk mengkaji dan mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang akan dihadapi oleh majikan-majikan dalam melaksanakan gaji minimum.

No. Soalan : 51
PR-1252-L49284

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]
TARIKH	20 JUN 2012
SOALAN	Y.B. Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan jumlah wang yang dibayar setiap tahun kepada Pewaris Sultan Sulu atau Kerajaan Filipina atas tuntutan ke atas Sabah. Jelaskan juga sama ada ia merupakan sewa dan adakah usaha-usaha Kerajaan Malaysia menyelesaikan masalah tuntutan yang sudah begitu terbiar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ranau di atas soalan yang dikemukakan.

2. Bayaran yang dibuat adalah kepada Pewaris Sultan Sulu dan bukannya kepada Kerajaan Filipina. Bayaran tersebut merupakan, dengan izin, *cession money* dan bukannya bayaran sewa. Malahan bayaran tersebut dibuat berikutan dengan penghakiman Hakim Mahkamah Borneo Utara, Chief Justice Mackaskie berdasarkan tuntuan yang dibuat oleh waris-waris Sultan Sulu pada tahun 1933.
3. Penghakiman tersebut telah memutuskan bahawa hak waris-waris Sultan Sulu hanyalah ke atas, dengan izin, *cession money* memandangkan pemberian Borneo Utara (Sabah) oleh Sultan Sulu kepada Britain pada tahun 1878 adalah satu dengan izin, *deed of decision*.
4. Dalam hal ini, adalah jelas bahawa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia bukannya atas tuntutan waris Sultan sulu ke atas Sabah. Seterusnya, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf sama sekali tuntutan waris Sultan Sulu ke atas Sabah memandangkan referendum yang dipersetujui (*sanctioned*) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menjadikan Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah Malaysia pada tahun 1963.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.06.2012

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelaksanaan Skim Pengkomersialan Inovatif Patuh Syariah:-

- (a) nyatakan semua syarat dan keperluan pertimbangan untuk skim ini; dan
- (b) adakah kuota kaum terpakai dalam pertimbangan kelulusan skim ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pengkomersilan Inovasi Patuh Syariah (CIF) merupakan suatu skim yang diwujudkan oleh Kerajaan bertujuan untuk memberi bantuan pembiayaan secara Islamik kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang layak bagi memulakan perniagaan produk penyelidikan baharu dan pengkomersilan setelah produk tersebut selesai menjalani proses pengesahan pengkomersilan pasaran. Skim ini diselaraskan oleh SME Corporation dengan kerjasama Persatuan Institusi Kewangan Islam Malaysia (AIBIM).

2. Skim Pembiayaan PKS ini mempunyai dana sebanyak RM500 juta yang disediakan oleh 6 buah Institusi Kewangan Islam yang mengambil bahagian, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad,

AmlIslamic Bank Berhad, Public Islamic Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad.

3. Di antara syarat-syarat utama skim pembiayaan ini ialah syarikat PKS mestilah sekurang-kurangnya 51% milik rakyat Malaysia, jumlah pembiayaan maksima ialah RM5 juta dan tujuan pembiayaan untuk membiayai modal kerja, pembelian aset atau untuk menaik taraf perniagaan. Tempoh pembiayaan sehingga 5 tahun dan kadar faedah mengikut kadar semasa yang ditetapkan oleh Institusi Kewangan Islam yang mengambil bahagian manakala Kerajaan akan menyediakan bantuan kadar keuntungan sebanyak 2% setahun bagi meringankan beban kos pembiayaan yang ditanggung oleh PKS. Proses pemberian pinjaman dan kelulusan pembiayaan bagi skim ini adalah mengikut amalan semasa institusi kewangan Islam yang terlibat.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim ini tidak menetapkan sebarang kouta kaum dan terbuka kepada semua syarikat PKS yang layak. Syarikat boleh mula memohon skim ini mulai pada 1 Julai 2012 dan bolehlah menghubungi Institusi Kewangan Islam yang mengambil bahagian untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan pinjaman ini.

SOALAN 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH

20 JUN2012

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Butiran terperinci mengenai program promosi pelancongan di Belanda pada bulan Mei 2012 termasuk butiran kos yang terlibat, kos untuk lawatan Menteri dan hasil yang dikecapi daripada promosi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, pada tahun 2011 pasaran Belanda telah mencatatkan ketibaan pelancong seramai **90,590 orang** iaitu penurunan sebanyak 21.1% berbanding pada tahun 2010 seramai **114,887 orang**. Penurunan ketibaan pelancong ini disebabkan faktor ekonomi Belanda yang tidak kukuh, ketidakstabilan politik di Timur Tengah, bencana alam di Jepun dan New Zealand menyebabkan penduduk Belanda mengambil langkah menangguhan perjalanan dan pelancongan ke luar negara namun lebih tertumpu kepada negara-negara jiran sekitar Belanda. Selain daripada itu, syarikat penerbangan Garuda Airlines mempunyai 7 penerbangan seminggu dari Amsterdam ke Jakarta yang memudahkan lagi perjalanan ke Bali, Indonesia yang mana sebelum ini mereka menggunakan perkhidmatan Malaysia Airlines dengan hentian (*stop over*) di Kuala Lumpur.

Untuk tahun 2011, semua aktiviti promosi di Belanda telah dijalankan oleh Tourism Malaysia The Hague. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan ketibaan pelancong dari Belanda pada tahun 2012 mencatatkan pertumbuhan positif dan kesedaran mengenai Malaysia berada di tahap yang tinggi, program promosi telah diadakan di Belanda pada bulan Mei oleh Tourism Malaysia untuk mengkaji dan mempromosikan produk pelancongan baru seperti pelancongan berbasikal, pelancongan seni kontemporari, pelancongan taman dan laman, Homestay dan lain-lain.

Semasa promosi tersebut, perbincangan telah diadakan bersama syarikat penerbangan dan pengusaha pelancongan untuk mendapat maklum balas mengenai usaha sama dan kerjasama dalam meningkatkan lagi promosi serta jualan pakej-pakej pelancongan ke Malaysia. Selain itu, Tourism Malaysia berpeluang untuk mendapat maklum balas mengenai keberkesanan dan isu-isu terhadap usaha-usaha penggalakan pelancongan yang dijalankan.

Kos penganjuran promosi tersebut yang ditanggung oleh Tourism Maaysia adalah sebanyak RM166,102.

Yang Berhormat Menteri Pelancongan telah membuat lawatan secara peribadi dengan kos sendiri dan tidak melibatkan apa-apa kos yang ditanggung oleh Kerajaan.

Soalan No : 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib
	[Maran]
TARIKH	20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan pencapaian dan status terkini pelaksanaan Program Saringan Literasi dan Numerasi (Linus) sejak ia dilaksanakan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) serius dalam usaha membasmi masalah celik huruf dalam kalangan murid di negara ini. Sehubungan itu KPM telah memperkenalkan Program LINUS (*Literacy and Numeracy Screening Programme*) bermula pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan saringan LINUS peringkat pertama dan kedua adalah untuk mengenal pasti murid yang tidak menguasai asas Literasi dan Numerasi. Bagi murid yang tidak melepassi saringan ini akan mengikuti program LINUS mengikut penguasaan konstruk 1 atau 2 bagi mengatasi masalah tersebut. Sebagai langkah pemulihan, penjaga murid yang mempunyai masalah LINUS tegar (tidak menguasai konstruk 1 dan 2) akan disarankan membuat

Soalan No : 54

pemeriksaan kesihatan pelajar itu. Pemeriksaan kesihatan

itu bagi memastikan sama ada pelajar tersebut tergolong dalam murid berkeperluan khas (pemulihan khas) atau sebaliknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya pencapaian terkini literasi pada saringan 6 kohort 1 (murid Tahun 3) 2012 ialah 97.7% dan peratus pencapaian numerasi ialah 98.6%. Bagi kohort 2 (murid Tahun 2) 2012, peratus pencapaian literasi pada saingan 4 ialah 92.3%, manakala numerasi 96.1%.

Berdasarkan pencapaian tersebut, KPM mendapati program LINUS berupaya meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan di negara ini.

Rjm 56

NO. SOALAN:55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI]
TARIKH : 20 JUN 2012

SOALAN

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah manfaat/faedah yang bakal diperoleh oleh masyarakat di Langkawi terutamanya bagi golongan nelayan, penternak dan peladang serta pengusaha pelancongan menerusi Langkawi Tourism Blueprint.

JAWAPAN

Blueprint Pelancongan Langkawi (2011-2015) merupakan satu perancangan holistik yang dirangka bagi meningkatkan ekonomi Pulau Langkawi. Selain daripada sektor pelancongan sebagai peneraju utama pembangunan ekonomi Pulau Langkawi, *blueprint* turut memberi penekanan kepada sektor lain iaitu pertanian dan perikanan. Melalui inisiatif ini, golongan petani, nelayan, penternak dan peladang bakal mendapat faedah dan manfaat secara langsung. Melalui program penanaman kontrak, beras Maswangi telah diperkenal dengan kelebihan boleh dituai dua kali setahun dan dipasarkan pada harga yang lebih tinggi. Justeru, faedah yang akan diperoleh secara langsung oleh peladang adalah melalui peningkatan pendapatan daripada RM4,800 sehektar kepada RM11,000 sehektar.

Selain daripada itu, para nelayan, penternak dan peladang juga berpeluang untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dengan menjadikan sawah dan kolam sebagai tapak aktiviti pelancongan bagi lawatan berpandu dan inap desa.

Bagi sektor pelancongan pula, 14 inisiatif yang bakal dilaksana dijangka mampu meningkatkan hasil pelancongan sebanyak dua kali ganda kepada RM3.8 billion pada tahun 2015 dan membuka 4,200 peluang pekerjaan baru. Justeru, pelaksanaan *blueprint* ini akan meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan yang akan melonjakkan ekonomi Pulau Langkawi.

NO. SOALAN: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pihak

Kerajaan yang mahu menubuhkan Akademi Undang-undang agar kewujudan akademi ini nanti dapat menyatukan mereka yang berlatar belakang undang-undang dengan lebih sistematik.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang Malaysia adalah mengambilkira keperluan mewujudkan sebuah badan yang boleh mewakili anggota profession undang-undang secara lebih menyeluruh termasuk dari kalangan anggota kehakiman, ahli akademik, pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara, bekas hakim, penasihat undang-undang syarikat-syarikat swasta dan sebagainya. Namun, pelaksanaan akademi ini ditangguhkan buat masa ini disebabkan oleh faktor kesesuaian masa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN 57

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan terhadap larangan penggunaan lampu berwarna-warni pada kenderaan kerana mengganggu

fokus dan penglihatan pemandu lain dan dilihat sebagai antara faktor penyumbang kepada peningkatan kemalangan jalan raya di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kaedah 96, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan - C&U) 1959 telah menetapkan mengenai larangan penggunaan lampu hadapan yang berwarna-warni selain daripada warna putih pada sesebuah kenderaan. Kaedah 94, C&U 1959 pula menetapkan bahawa semua bahagian dan aksesori kenderaan hendaklah tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Selaras dengan peruntukan-peruntukan tersebut, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada 1 Disember 2008 telah menguatkuasakan kesalahan penggunaan *High Intensity Discharge* (HID) *head lamp* yang dipasang secara *retrofit* pada sesebuah kenderaan. Langkah ini diambil berikutan aduan daripada orang ramai terhadap penggunaan lampu berkenaan yang mengganggu penglihatan pemandu lain dan sekali gus mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain.

Ekoran daripada perkara tersebut, notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1) akan dikeluarkan di mana pemilik kenderaan yang melakukan kesalahan tersebut dikehendaki menukar lampu HID yang dipasang secara *retrofit* kepada lampu asal. Sekiranya pemilik kenderaan tersebut gagal mematuhi peraturan tersebut, tindakan saman akan dikenakan.

Berdasarkan rekod JPJ, bilangan saman yang dikeluarkan bagi kesalahan penggunaan lampu HID untuk tahun 2010, 2011 dan sehingga Mac 2012 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES
2010	798
2011	4,758
Mac 2012	1,765
JUMLAH	7,321

NO.SOALAN : 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	
DARIPADA	LISAN
TARIKH	DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN]
	20.06.2012 (RABU)
DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sama ada Kementerian sanggup menghulurkan subsidi untuk menampung kos pengangkutan barang ke kawasan pedalaman di negeri Sabah dan Sarawak agar mengurangkan jurang perbezaan harga barang antara kawasan tersebut dengan Semenanjung. Jika ya, bila dan berapa jumlah anggarannya. Jika tidak, mengapa.	

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

KPDNKK telah memulakan projek perintis Program Penyeragaman Harga bagi menampung kos pengangkutan barang ke kawasan pedalaman pada tahun 2008. Mulai tahun 2009 hingga tahun 2010, projek Program Penyeragaman Harga telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak dan telah beri impak yang sangat besar kepada rakyat yang tinggal di pedalaman Sabah dan Sarawak. Projek pengedaran dan penyeragaman harga merupakan program untuk membantu masyarakat di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapatkan barang keperluan seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras ST15%, gas petroleum cecair (gas merriasak) serta petrol dan diesel pada harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sebelum pelaksanaan program ini, penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman, terutama di Sabah dan Sarawak terpaksa

membayar harga sangat mahal untuk mendapatkan barang tersebut, berikutan kos pengangkutan yang tinggi disebabkan jarak jauh ke kawasan terpencil dan laluan sukar melalui laluan lori balak malah terpaksa menggunakan perahu panjang menyusuri sungai dan jeram.

KPDNKK juga telah diperuntukan sebanyak RM200 juta pada tahun 2011 dan 2012 bagi melaksanakan Projek Pengedaran dan Penyeragaman Harga dimana melalui pembiayaan kos pengangkutan kepada pengedar untuk membawa barang tersebut ke pusat jualan yang dilantik. Melalui kaedah ini secara langsung ianya telah mengurangkan jurang perbezaan harga barang antara kawasan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Sejumlah 1.77 juta penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapat faedah hasil pelaksanaan program ini.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT

(KUALA TERENGGANU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.06.2012

Y.B. TUAN HAJI MOHD ABDULWAHID BIN HAJI ENDUT [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua terma-terma penyelesaian yang dipersetujui antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kerajaan Pusat dan PETRONAS apabila saman tuntutan Royalti Petroleum terhadap PETRONAS dan Kerajaan Malaysia ditarik balik oleh Kerajaan Terengganu baru-baru ini.

JAWAPAN

Kerajaan Negeri Terengganu telah menarik balik saman tuntutan Royalti Petroleum terhadap PETRONAS dan Kerajaan Malaysia pada 23 Mac 2012. Tindakan menarik balik saman tersebut adalah *prerogative* Kerajaan Negeri Terengganu.

NO. SOALAN : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF 001 CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 20 JUN 2012

TUAN JEFF 001 CHUAN AUN [JELUTONG] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan sama ada ekuiti dan kuasa pengurusan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah diberikan kepada anak syarikat milikan Syed Mokhtar Al-Bukhary. Kenapa permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil alih PPSB tidak diberi pertimbangan yang wajar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakukuan sebagai pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) setelah cadangan syarikat bersama-sama dengan 4 syarikat lain dinilai daripada aspek teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian dan Agensi yang berkenaan. Setakat ini, pengurusan pelabuhan masih belum diambil alih oleh syarikat memandangkan rundingan mengenai terma-terma perjanjian penswastaan kini masih dijalankan dengan pihak syarikat.

Kerajaan tidak ada menerima permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung dengan cadangan ini. Lazimnya, mana-mana permohonan mahupun cadangan pengambil alihan yang berkaitan dengan program penswastaan adalah daripada pihak swasta dan bukannya oleh pihak Kerajaan Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO.61

DARIPADA

**DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]**

TARIKH

20 JUN 2012

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menaikkan taraf perkhidmatan kereta api ke Pantai Timur Semenanjung dan membuka laluan-laluan baru kereta api termasuk di Sabah dan Sarawak.

SOALAN NO.61

**JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah di dalam peringkat akhir penyediaan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara yang merupakan sebuah dokumen yang mengandungi dasar-dasar makro dan juga perancangan ke arah mentransformasikan pengangkutan awam darat menjadi mod pilihan rakyat untuk tempoh 20 tahun akan datang. Dokumen Rancangan Induk ini juga merangka strategi perhubungan pengangkutan awam di antara wilayah-wilayah utama di Semenanjung Malaysia merangkumi perkhidmatan rel antara bandar dan bas ekspres.

Salah satu strategi yang dicadangkan di dalam Rancangan Induk tersebut adalah keperluan untuk menaik taraf laluan serta perkhidmatan rel sediada yang menghubungkan Gemas dengan Tumpat berdasarkan peningkatan penduduk serta pembangunan petempatan di sepanjang koridor tersebut.

Seterusnya, pihak kerajaan akan membangunkan kajian fisibiliti untuk memperincikan elemen menaik taraf perkhidmatan merangkumi penambahbaikan kemudahan stesen sediada, peningkatan kekerapan perkhidmatan serta

SOALAN NO.132

pembangunan infrastruktur dengan mengambil kira keperluan semasa disamping dapat memenuhi keperluan akan datang.

Selain itu, kajian Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara juga mendapati terdapatnya keperluan untuk menyediakan rangkaian rel baru yang menghubungkan Kota Bahru, Kuala Terengganu, Kuantan dan seterusnya Kuala Lumpur. Berdasarkan analisa pertumbuhan penduduk dan pembangunan perbandaran masa hadapan, jajaran rel baru ini disasarkan sebagai satu strategi jangka panjang iaitu di antara tahun 2020 sehingga 2030 dimana ia akan dihubungkan dengan rangkaian rel utara-selatan iaitu yang menghubungkan Johor Bharu dan Padang Besar yang turut akan dinaiktaraf dan dipertingkatkan. Di peringkat seterusnya, kajian fisibiliti akan dijalankan bagi memperincikan jajaran paling optimum, komponen pembangunan yang diperlukan serta tempoh masa pelaksanaan.

Berkenaan dengan pembukaan laluan-laluan rel baru keretapi di Sabah dan Sarawak, Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 714) memperuntukkan bidang kuasa SPAD hanya terhad kepada Semenanjung Malaysia sahaja. Bagaimanapun, SPAD sedang menjalankan kajian untuk memperluaskan bidang kuasanya untuk merangkumi Sabah dan Sarawak bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang berkualiti dan seragam di seluruh negara.

SOALAN NO.133

Susulan daripada perluasan bidang kuasa ini, SPAD akan seterusnya menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat di peringkat wilayah yang akan merangkumi keseluruhan Negeri Sabah dan juga Sarawak. Apabila dilaksanakan kelak, rancangan induk ini akan merangka strategi penambahbaikan serta cadangan-cadangan baru infrastruktur pengangkutan awam darat secara bersepadu merangkumi perkhidmatan rel, bas, teksi dan kemudahan sokongan yang akan menjadikannya sistem pengangkutan yang menyeluruh serta memenuhi keperluan semua lapisan rakyat termasuk di kawasan bandar dan juga di luar bandar.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO.61

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pada masa ini, Keretapi Tanah Melayu Behad (KTMB) menawarkan perkhidmatan tren penumpang Antarabandar dan tren Kargo di sektor Pantai Timur Semenanjung. Perkhidmatan ini merangkumi rangkaian dari Gemas ke Tumpat sejauh 528 kilometer.

Pihak Kerajaan melalui KTMB sentiasa dalam usaha untuk menaiktaraf perkhidmatan rel di Pantai Timur Semenanjung bagi memberi keselesaan kepada pengguna perkhidmatan ini. Di bawah Rancangan Malaysia Ke- Sepuluh (RMK10) (*Rolling Plan 3*), KTMB telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan projek-projek bagi menaiktaraf dan membaikpulih landasan di Pantai Timur Semenanjung seperti berikut:

- a) Pemotongan dan penukaran batu kapur antara Jerantut - Sungai Yu.
- b) Pemuliharaan landasan antara Gemas - Mentakab.
- c) Pemuliharaan cerun dan pelebaran kaki lima landasan Mentakab - Kuala Krai.
- d) Pembaikan terowong keretapi Sungai Temau - Manek Urai.

Negeri Sabah mempunyai perkhidmatan keretapi yang menghubungkan Tanjung Aru ke Tenom sejauh 134 kilometer yang berada di bawah bidang kuasa Jabatan Keretapi Negeri Sabah manakala di negeri Sarawak masih lagi belum mempunyai landasan keretapi. Untuk itu, berkenaan dengan perancangan Kerajaan untuk membuka laluan-laluan baru keretapi di negeri Sabah dan Sarawak sewajarnya dirujuk kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah dan Kementerian Pengangkutan.
Sekian terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Soalan No : 54

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH

: 20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan apakah proses kesediaan guru untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kesediaan guru untuk melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dijamin melalui sesi latihan yang merangkumi penerangan konsep PBS dan pengenalian serta penggunaan aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS).

Latihan PBS terbahagi kepada 3 fasa:

- (i) Pendedahan
- (ii) Pelaksanaan
- (iii) Penjaminan Kualiti

Sesi latihan telah bermula pada tahun lepas (2011) dan kumpulan sasaran adalah Setiausaha Peperiksaan (SUP) sekolah, pegawai Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Pegawai Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan guru-guru yang dilantik sebagai Jurulatih Utama melibatkan seramai 4,687 peserta sekolah rendah dan 3,325 peserta sekolah menengah.

Latihan bagi aplikasi Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) telah dilaksanakan pada tahun ini bagi 4160 orang peserta sekolah menengah di 132 buah Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).

Pada bulan Mei 2012 Taklimat Pengoperasian dan Penjaminan Kualiti PBS telah

dilaksanakan melibatkan 3,500 orang Pengetua, Guru Besar dan Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah di 5 zon seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpendapat bahawa guru-guru dan pentadbir sekolah sudah bersedia untuk menjayakan PBS dalam Transformasi Pendidikan Negara.

Rjm 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]

TARIKH : 20 JUN 2012

SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI menyatakan kadar kemajuan pelaksanaan Koridor Sabah di setiap daerah / zon dan jumlah nilai kewangan yang telah dilaburkan serta bilangan pekerjaan yang wujud dan diperlukan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari segi kemajuan pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) adalah sangat rancak bermula dari RMKe-9 sehingga ke RMk-10 dengan pelaksanaan sebanyak 37 projek utama melibatkan 91 sub projek yang merangkumi Daerah/Zon Kudat, Pantai Barat, Pedalaman, Sandakan dan Tawau. Daripada jumlah ini sebanyak 73 sub projek telah disiapkan dan 18 sub projek masih dalam pelaksanaan dan kebanyakannya dijangka siap pada akhir tahun 2012. Kemajuan perbelanjaan kewangan sehingga 30 April 2012 bagi keseluruhan projek- projek di SDC pula adalah sebanyak RM1,033.85 juta atau 74% berbanding RM1,389.90 juta yang disalurkan.

Setakat Mei 2012, jumlah pelaburan diperolehi (realised) adalah sebanyak RM4.6 bilion berbanding sasaran tahun 2012 iaitu sebanyak RM9.9 bilion manakala sebanyak 7,901 peluang pekerjaan baru diwujudkan berbanding dengan sasaran

iaitu sebanyak 15,634 peluang pekerjaan pada akhir tahun 2012. **NO. SOALAN:64**

Di bawah program Transformasi Ekonomi (ETP) Koridor Pembangunan Sabah (SDC) - Koridor dan Bandaraya sebanyak RM77.5 bilion jumlah pelaburan dijangka akan

disumbangkan oleh 6 sektor utama (pertanian, pendidikan, kelapa sawit, pembuatan & logistik, pelancongan serta minyak & gas) melalui 31 projek permulaan (EPP) yang telah dikenalpasti.

31 EPP ini dijangka akan menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM35.5 bilion dengan mewujudkan 144,000 peluang pekerjaan baru sehingga tahun 2020. Projek EPP adalah meliputi Zon Kudat, Pedalaman, Sandakan, Tawau dan Pantai Barat.

UO • SoAuA^: 6 *4

NO.AUM-60

■NO^AUF-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
	[BALING]
TARIKH	20 JUN 2012
RUJUKAN	4842

SOALAN:

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan ke atas media cetak dan elektronik yang

memaparkan aksi-aksi mengghairahkan dan berbaur lucah untuk tatapan umum.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Baling yang mengemukakan soalan.

Kementerian Dalam Negeri bertindak ke atas media cetak berdasarkan peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Semua penerbitan adalah tertakluk kepada garis panduan penerbitan yang ditetapkan Kementerian dan tindakan boleh diambil sekiranya terdapat pelanggaran terhadap mana-mana syarat permit dan garis panduan penerbitan.

Salah satu elemen dalam garis panduan penerbitan ialah mana- mana penerbitan yang mengandungi apa-apa jua perkara yang mengikut rupa, bentuk dan perlakuan atau dengan apa-apa cara yang boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea yang lucah, mengghairahkan atau selainnya yang bertentangan dengan kesopanan awam, nilai-nilai murni, tata susila masyarakat dan pegangan agama serta boleh memudaratkan kemoralan.

JAWAPAN

Sekiranya penerbit telah menyiaran apa-apa juga bentuk penerbitan sebagaimana diatas, tindakan mengenakan Perintah Larangan boleh diambil dibawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Selain itu, tindakan dibawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan boleh diambil terhadap kesalahan menjual dan mengedar bahan- bahan lucu kepada orang awam.

Kementerian juga mengadakan penguatkuasaan terhadap bahan- bahan penerbitan di pintu-pintu masuk utama negara seperti di Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, *Second Link*, Bangunan Sultan Iskandar dan Pusat-pusat Mel seluruh negara. Kawalan pintu masuk dilaksanakan bagi memastikan tidak terdapat bahan-bahan penerbitan yang tidak diingini dari luar negara dibawa masuk, dijual dan diedarkan didalam negara. Tindakan dibawah Seksyen 9 (1) AMCP 1984 boleh diambil dengan menahan penghantarserahan atau tolak import bahan-bahan penerbitan yang tidak diingini.

NO. SOALAN : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG
[SARIKEI]**

**TARIKH JAWAPAN : 20 Jun 2012 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

- (a) status terkini dan faedah pembinaan Loji Rawatan Air Bayong,
Sarikei; dan

- (b) status penukaran paip air jenis AC kepada HDPE di Sarikei.

Tuan Yang Dipertua,
JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Kementerian ini dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bahawa pembinaan Loji Rawatan Air Bayong, Sarikei telah diluluskan di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Status terkini projek adalah di peringkat penilaian tender bagi pelantikan perunding projek. Peningkatan kapasiti loji ini kelak akan dapat membantu menambahkan jumlah air terawat untuk kawasan sedia ada dan kawasan baru di kawasan Sarikei.

Tuan Yang Dipertua,

b) Projek penukaran paip air jenis AC (jenis simen asbestos) kepada *High Density Polyethylene Pipe* (HDPE) di Sarikei telah dimasukkan di bawah projek Program Sistem Agihan Negeri Sarawak dalam RMKe-10. Kerajaan negeri melalui JKR Sarawak telah memohon peruntukan

sebanyak 12.5 juta dalam *Rolling Plan* ke Tiga (RP3) untuk projek penggantian paip jenis AC di Sarawak. Keseluruhan panjang paip yang dicadangkan untuk ditukar/ganti adalah sepanjang 40km dan kos pelaksanaan adalah dianggarkan berjumlah RM8 juta. Pelaksanaan akan dijangka bermula pada tahun 2013 hingga 2015 secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

NO SOALAN : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL
TARIKH	20 JUN 2012

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah sebenar penerima FELDA yang menerima imbuhan ‘durian runtuh’ FELDA sebanyak RM 15,000 seorang mengikut pecahan negeri dan apakah kesan yang ketara bagi golongan ins.

<u>JAWAPAN</u>	DATUK HAJI <i>AHMAD BIN HAJI MASLAM</i>
	TIMBALAN MENTERI Di <i>JPM</i>

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian ‘durian runtuh’ FELDA diberikan kepada semua peneroka FELDA yang berdaftar iaitu seramai 112,635. Pemberian RM 15,000 ini dipecahkan kepada tiga fasa iaitu fasa pertama kepada peneroka berjumlah RMS,000, fasa kedua kepada isteri peneroka berjumlah RMS,000 dan fasa ketiga kepada anak peneroka berjumlah RMS,000.

- i. Negeri Pahang seramai 43,123 orang
- ii. Negeri Johor seramai 27,735 orang
- iii. Negeri Sembilan seramai 16,434 orang
- iv. Negeri Perak seramai 6,419 orang
- ¥. Negeri Selangor seramai 1,428 orang
- VI. Negeri Terengganu seramai 7,459 orang
- vi Negeri Kedah seramai 3,185 orang
- vii. Negeri Perlis seramai 857 orang
- ix. Negeri Kelantan seramai 3,115 orang
- X. Negeri Sabah seramai 1,647 orang
- xi. Negeri Melaka seramai 1,233 orang

Mengenai kesan ketara bagi penerima durian runtuh ini, peneroka berasa berpuas hati dan bersyukur kepada Kerajaan dan FELDA di atas pemberian dan penghargaan yang diberikan ini. Rata-rata peneroka menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pihak-pihak yang sengaja mewujudkan suasana yang tidak mesra dan berunsur negatif dan akhirnya boleh memecahbelahkan masyarakat peneroka serta memutar belitkan perkara yang sebenar.

oooooooooooooooooooo

VJO- so/VtAtO : 'tter-
AVM: 69-

NO. AUP-r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 20 JUN 2012

RUJUKAN 4843

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan anggota PDRM luar bandar yang ditugaskan di Kuala Lumpur / Selangor semenjak Ops Payung dilancarkan dan di manakah mereka ditempatkan dan kos yang terperinci sepanjang Ops Payung.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi memastikan Bandaraya Kuala Lumpur dan Selangor sentiasa selamat,

JAWAPAN:

PDRM telah menjalankan pelbagai usaha, termasuklah melancarkan beberapa operasi pencegahan jenayah. Di antaranya, Ops Tawan, Ops Utama Perdana, Ops 1 Malaysia, 4 Men Patrol dan termasuklah Ops Payung.

PDRM tidak menggunakan khidmat atau bantuan tenaga pegawai atau anggota polis luar Kontinen (termasuk dari luar Bandar) semasa menjalankan Ops Payung. Semua petugas adalah anggota IPD dan IPK Kuala Lumpur dan Selangor sahaja.

Kos Ops Payung iaitu bagi semua peralatan seperti payung, meja dan kerusi dibekalkan oleh SMS, Jabatan Logistik. Di seluruh kontinen Kuala Lumpur kos dianggarkan sebanyak RM80,772.50. Manakala di seluruh kontinen Selangor kos dianggarkan sebanyak RM56,000.00.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
 [TANJONG MANIS]**

TARIKH 20 JUN 2012

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah klinik di Kampung Semop, Pulau Brui akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua

SOALAN NO :68

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengenalpasti kawasan di Lot 172 Blok 16 Bruit LD (Kampung Semop), Daro bagi pembinaan Klinik Kesihatan Semop. Permohonan bagi pembinaan Klinik Kesihatan ini akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk dilaksanakan di dalam *Third Rolling Plan* sekiranya diluluskan.

Walau bagaimanapun, penduduk di Kampung Semop boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan yang sedia ada di Pulau Bruit. Telah terdapat tiga (3) klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Bruit (mula beroperasi 2002), Klinik Kesihatan Betanak (mula beroperasi 1994) dan Klinik Kesihatan Tekajong (mula beroperasi 1962). Semua klinik kesihatan ini menyediakan perkhidmatan pesakit luar dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Buat masa ini, fasiliti kesihatan sedia ada boleh menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk di Pulau Bruit yang berjumlah 5,583 orang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH 20 JUN 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan berapakah jumlah permohonan pemulihan dan permohonan baru menubuhkan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang diterima. Nyatakan sebab mengapa kelulusan belum diberikan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang meneliti dan mengkaji secara

SOALAN NO:70
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

menyeluruh perkara tersebut dengan merujuk kepada perundangan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Rjm58

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 20 JUN 2012

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah SPRM bekerjasama sepenuhnya dengan ICAC Hong Kong menyiasat kes Michael Chia yang berkaitan dengan Ketua Menteri Sabah dan apakah hasil kerjasama dwi- negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM telah pun menjalankan siasatan ke atas kes Micheal Chia yang berkaitan dengan Ketua Menteri Sabah. SPRM telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada ICAC Hong Kong dalam siasatan

SOALAN NO: 71
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

dakwaan ini. Siasatan kes ini telah selesai dan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk penelitian dan keputusan. Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH

PAIRIN KITING

AN TARIKH: 20 JUN 2012

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah formula yang telah digunakan untuk mencapai keputusan gaji minimum bagi Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

PR-1252-L50089

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengambil kira beberapa kriteria dalam menetapkan gaji minimum pada tahap RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan untuk Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Kriteria-kriteria yang digunakan

SOALAN N0:72
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

ialah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), gaji penengah (*median wage*) sebagai indikator keupayaan majikan untuk membayar gaji,

peningkatan produktiviti buruh, indeks harga pengguna dan kadar pengangguran.

2. Penetapan kriteria-kriteria tersebut adalah berdasarkan kepada data dan fakta ekonomi yang dihasilkan oleh pakar-pakar daripada universiti tempatan dalam Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara. Penetapan kriteria ini juga mengambil kira hasil kajian Bank Dunia yang menjalankan kajian khusus mengenai implikasi gaji minimum.

DR(11 -28 Jun 2012)has... 29.5.12/JosephPairinKitinganL50089

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 20 JUN 2012

SOALAN

NO. SOALAN:72

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) **asas penilaian semula harta tanah 1MDB daripada RM194 juta kepada RM1.02 bilion atau 426% dalam jangka masa 1 tahun sahaja untuk merekodkan keuntungan RM544 juta; dan**
- (b) **lokasi dan deskripsi harta tanah tersebut.**

JAWAPAN

Sebagai syarikat yang komited melaksanakan amalan terbaik global, 1MDB kini telah mengamalkan piawai antarabangsa bagi meningkatkan ketelusan kenyataan kewangannya, selari dengan Piawai Laporan Kewangan Malaysia.

1MDB telah merekodkan keuntungan sebanyak RM544 juta selepas cukai pada tahun lepas.

Keuntungan yang dilaporkan adalah tepat dan menurut Piawai Laporan Kewangan dan Akta Syarikat, 1965. Ianya mematuhi piawaian antarabangsa yang memerlukan sesebuah syarikat untuk memaklumkan sebarang perubahan dalam nilai harta tanah mengikut harga pasaran.

Aset harta tanah yang dinilai semula adalah tapak-tapak tanah yang akan dibangunkan sebagai Kuala Lumpur International Financial District di Jalan Imbi. Keuntungan penilaian semula adalah diperolehi berdasarkan harga pasaran, seperti yang dinilaikan oleh penilai pihak ketiga bebas.

Nilai harta tanah tersebut juga telah bertambah dengan lulusnya pelan induk bagi KLIFD, proses penempatan semula penduduk dan perniagaan yang hampir tamat, pelan baru bagi laluan pengangkutan, dan lain-lain prosedur dan kerja-kerja pra

pembinaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN HAJAH ZURAIDA BINTIKAMARUDDIN
[AMPANG]

TARIKH 20 JUN 2012

SOALAN

Puan Hajah Zuraida bintl Kamaruddin [Ampang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan
apakah langkah-langkah pendidikan dan penguatkuasaan yang diambil dalam memastikan pengurangan dalam kadar kemalangan, kecederaan dan kematian melibatkan kenderaan berat seperti lori dan bas.

SOALAN N0.73

JAWAPAN: YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN

PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan serta rasa tanggungjawab pihak YB terhadap aktiviti penguatkuasaan undang-undang yang berhubungkait dengan Sistem Pengangkutan Awam Darat di Malaysia.

Untuk makluman YB, statistik kes kemalangan 2011 yang diperolehi dari sumber PDRM, sebanyak 9,986 kes kemalangan yang melibatkan bas dan 70,994 kes kemalangan yang melibatkan lori/van telah dicatat. SPAD telah mengambil pelbagai langkah pendidikan dan penguatkuasaan dalam menangani kadar kemalangan, kecederaan dan kematian yang melibatkan kendaraan berat.

Antara Langkah-langkah Penguatkuasaan yang sedang dan telah dijalankan:

- i) SPAD akan memanfaatkan sistem penguatkuasaan mengesahkan laju kenderaan di jalanraya melalui kerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti JPJ & PDRM dimana data yang diperolehi akan digunakan sebagai suatu kaedah pencegahan oleh SPAD keatas kenderaan barang dan perkhidmatan awam.
- ii) SPAD akan sentiasa memantau dan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan apa juak ketetapan yang diputuskan ke atas syarikat yang terlibat dengan kemalangan maut supaya mematuhi keputusan yang telah dijatuhkan

SOALAN N0.73

ke atasnya.

- iii) SPAD telah melaksanakan audit berdasarkan kepada Industry Code of Practice Safety Health & Environment (ICOP SHE) (Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) laitu merangkumi Pengurusan Pemandu, Kenderaan, Perjalanan Dan Risiko serta Pengurusan Dokumen. Buat masa ini, tumpuan utama pemeriksaan terhadap keselamatan dan kesihatan ICOP SHE ini adalah ke atas Syarikat Bas Ekspres. Sehingga kini, sebanyak 137 Syarikat Bas Ekspres telah diaudit.
- iv) Bahagian ini juga akan menjalankan auditan terhadap Syarikat Syarikat Kenderaan Berat tidak lama lagi berdasarkan Kod Amalan ICOP SHE. Aktiviti ini dianggap penting dalam memastikan tahap keselamatan dipatuhi.
- v) Isu keselamatan penumpang dan pengguna telah di nyatakan dengan jelas didalam syarat-syarat am lesen/permit yang telah dikeluarkan.
- vi) Pihak SPAD sentiasa melaksanakan operasi secara bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain bagi memastikan syarikat bas dan kenderaan berat sentiasa memberikan perhatian yang tertinggi dalam aspek keselamatan penumpang-penumpang mereka dan pengguna jalanraya yang lain. Sehingga kini, sebanyak 5480 operasi telah dilaksanakan dan dari jumlah tersebut sebanyak 79 operasi bersepadu

SOALAN N0.73

bersama pelbagai agensi penguatkuasa telah dijalankan seluruh Semenanjung Malaysia.

Sehingga kini, SPAD telah membawa sejumlah kes ke mahkamah. Bagi kesalahan ke atas bas sebanyak 13 kes telah dibawa iaitu 6 kes daripadanya telah disabit kesalahan manakala 7 kes masih dalam perbicaraan. Kebanyakan kesalahan ke atas bas ini adalah kes kesalahan guna permit. Bagi kesalahan ke atas lori, sebanyak 124 kes telah dibawa ke mahkamah. 87 kes telah disabit kesalahan dan 37 kes masih dalam perbicaraan. Kesemua kesalahan keatas lori ini adalah kesalahan lebih muatan.

Bagi langkah-langkah pendidikan, pelbagai usaha sedang dan telah dijalankan. Antaranya:

- i) pendekatan untuk berinteraksi secara rapat dengan pihak Persatuan Kenderaan Barang dan juga Persatuan-Persatuan Bas dalam usaha untuk mendidik Pengendali/Pengusaha serta Pemandu untuk bertanggungjawab terhadap industri pengangkutan perkhidmatan awam. Dengan interaksi yang sedemikian, SPAD berharap apa jua polisi dan peraturan serta perundungan dan implikasinya dapat disampaikan kepada setiap individu yang berkecimpung dalam industri ini.
- ii) SPAD juga mengambil langkah-langkah proaktif dengan mengwar-warkan tentang setiap aktiviti penguatkuasaan dengan menyalurkannya melalui media elektronik dan media cetak.
- iii) SPAD juga mengambil pendekatan untuk menghebahkan setiap kesalahan yang dibawa ke mahkamah. Semua tindakan ini adalah bertujuan untuk mendidik Pengendali/Pengusaha dan Pemandu agar lebih bertanggungjawab dalam mengurus dan mengawalselia

SOALAN N0.73

- perkhidmatan pengangkutan awam masing-masing.
- iv) Selain dari itu, taklimat berkaitan isu keselamatan ini akan disampaikan oleh pihak SPAD kepada semua Pengusaha/Pengendali secara berkala. Intipati taklimat yang akan diberikan merangkumi elemen pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan perjalanan dan risiko, dan sistem jaminan kualiti. Keempat-empat elemen ini terkandung di dalam Kod Amalan ICOP SHE.
- iv) Jalinan kerjasama dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) telah juga dilakukan melalui mesyuarat, seminar dan kempen keselamatan jalan raya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
[LENGGONG - BN]**

TARIKH 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN NO. 74

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-

- (a) program dan pendekatan baru yang Kementerian lakukan sehingga kini dalam menyelesaikan masalah sosial generasi muda di negara ini; dan
- (b) apakah imej generasi muda Malaysia yang hendak dibentuk oleh Kementerian.

JAWAPAN

Program dan pendekatan baru yang diperkenalkan oleh Kementerian dalam menyelesaikan masalah sosial generasi muda adalah menerusi pelaksanaan Program Transformasi Belia. Melalui program tersebut, beberapa inisiatif telah dikenal pasti dan sedang dilaksanakan iaitu *MyPark*, **Parlimen Belia Malaysia**, *VyRec*, *Youth Icons*, *MyCorps* **dan juga** *Perdana Leader Fellowship*. Keenam-enam inisiatif ini mempunyai objektif yang tersendiri dan kaedah pelaksanaan yang berbeza tetapi dengan satu tujuan iaitu untuk melahirkan generasi belia Malaysia yang berpersonaliti tinggi, berintegriti dan kreatif serta kompeten dalam mencetus transformasi pembangunan negara dan kompetitif bagi menangani cabaran sejagat sebagaimana yang dihasratkan menerusi Dasar Pembangunan Belia Negara.

SOALAN NO:75
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 20 JUN 2012

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta PERDANA
MENTERI

menyatakan status kes aduan No. 50/2011 yang dibuat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sitiawan kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia di Ipoh berkenaan dengan penyelewengan pemberian tanah oleh Kerajaan Negeri Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah pun menjalankan siasatan ke atas dakwaan ini dan siasatan telah pun selesai. Kertas Siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk penelitian dan keputusan.

Sekian, terima kasih.

VJo. s.c\lam '• NOrAUM-

:-8-2

-NQr-AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH 20 JUN 2012
RUJUKAN 4983

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan berkenaan rekomendasi-rekomendasi SUHAKAM berkait dengan 4 inkuiри tentang pengendalian perhimpunan aman. Nyatakan juga mengapa SUHAKAM tidak dipilih untuk menyiasat perhimpunan aman Bersih 3.0.

Tuan~~JAWAPAN~~
Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah mengambil tindakan yang sepatutnya terhadap sebarang rekomendasi berkaitan dengan perhimpunan aman selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012.

Tuan Yang Dipertua,

Isu pemilihan SUHAKAM untuk menyiasat perhimpunan di Dataran Merdeka pada 28 April 2012 seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak seharusnya timbul. Ini kerana pihak SUHAKAM sendiri telahpun menubuhkan panel siasatan awam berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 1999.

SOALAN NO: 77

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]

20 JUN 2012 (RABU)

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan apakah usaha-usaha untuk membantu
pekebun-pekebun sayur untuk meringankan beban. **JAWAPAN OLEH : Y.B.**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa memberi bantuan dan galakan kepada petani yang mengusahakan tanaman sayuran untuk membantu meringankan bebanan mereka.

Bantuan yang diberikan kepada penanam sayur - sayuran adalah Insentif Amalan Teknologi. Bantuan adalah berupa kelengkapan dan kemudahan bagi sistem pengairan, saliran dan perparitan, pembajaan, kawalan perosak tanaman, penggunaan klon yang berkualiti dan pasca tuai, penyediaan dan pembangunan kawasan, infrastruktur ladang, pengujian dan penyesuaian teknologi tanaman. Kadar insentif yang diberikan berjumlah RM10,000 sehektar.

Dari aspek pemasaran, pekebun sayur dibantu untuk memasarkan hasil keluaran mereka ke 471 pasar tani yang disediakan di seluruh negara. Mereka boleh menjualnya secara terus dengan mendaftar sebagai peserta pasar tani

ataupun ~~SOALAN NO.7~~
~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~ dan
juga boleh ~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~ dari
program ini.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 20 JUN 2012

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan aduan kesatuan sekerja terhadap majikan yang bersikap ‘Union Busting’, dan tindakan Kementerian terhadap majikan yang telah melakukan kesalahan tersebut.

PR-1252-L49334

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mana-mana majikan yang mengamalkan *union busting* terhadap penubuhan kesatuan sekerja baru mahupun bersikap diskriminasi dan menindas kesatuan sekerja sediada bermakna telah melanggar peruntukan di bawah Seksyen 4, 5 & 7 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Seksyen ini telah memperuntukkan hak pekerja untuk menuju kesatuan dan juga menjadi ahli kesatuan sekerja serta menjalankan aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja yang sah dari segi undang-undang. Sekiranya terdapat penindasan mengenainya, ianya boleh dilaporkan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan di bawah Seksyen 8, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Aduan

SOALAN NO: 80
penindasan tersebut akan disiasat melalui sesi rundingan damai dan
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
sekiranya tiada penyelesaian dicapai akan diputuskan oleh Y.B
Menteri Sumber Manusia.

2. Berdasarkan statistik sepanjang tahun 2011, Jabatan Perhubungan Perusahaan telah menerima 14 kes di bawah Seksyen 8 yang melibatkan tindakan majikan melanggar Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Daripada 14 kes yang difailkan ini, sejumlah 9 kes telah dirujukkan ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan manakala 3 kes lagi telah berjaya diselesaikan di peringkat Jabatan. Hanya 2 kes sahaja yang tidak dirujukkan ke Mahkamah Perusahaan.

NO. SOALAN: .^7

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS**

PERTANYAAN

DARIPADA

(2012) _____

LISAN

**YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [
PARIT BUNTAR]**

TARIKH

20 JUN 2012 [RABU]

SOALAN

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Fatwa tentang perhimpunan Bersih 3.0 dibuat secara rasmi dan telah digazetkan.

JAWAPAN: (**Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**)

Tuan Yang di-Pertua,

Fatwa berkaitan perhimpunan Bersih 3.0 **tidak pernah**

dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. NO. SOALAN: .^7

Apa yang dilaporkan dalam media massa adalah nasihat
daripada Ahli-Ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa

Kebangsaan yang bersidang pada 4-6 Mei 2012. Perkara ini telah dibincangkan dalam agenda hal-hal lain di mana semua ahli Muzakarah bersetuju supaya nasihat mengenai penglibatan umat Islam yang bertindak sebagai perusuh jalanan yang telah membawa kerosakan dan musibah kepada negara dikeluarkan melalui satu kenyataan media.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK CHUA SOON BUI

TARIKH: 20 JUN 2012

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) kriteria yang ditetapkan bagi majikan-majikan untuk pelaksanaan gaji minima RM800 di Sabah. Adakah gaji minimum ini terpakai pada kesemua pekerja-pekerja tempatan dan asing, pekerja-pekerja yang berkemahiran atau kurang berkemahiran, terutama sekali dalam sektor industri perkhidmatan; dan
- (b) bilakah gaji minima akan dilaksanakan, dan adakah pendapat awam diperoleh sebelum pelaksanaannya.

PR-1252-L49588

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengambil kira kriteria-kriteria iaitu Pendapatan Garis 2

SOALAN NO: 81
Kemiskinan (PoK), gaji penengah (*median wage*) sebagai
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

indikator keupayaan majikan untuk membayar gaji, peningkatan produktiviti buruh, indeks harga pengguna dan kadar pengangguran dalam menetapkan gaji minimum di Sabah pada kadar RM800 sebulan. Penetapan kriteria-kriteria tersebut adalah berdasarkan kepada data dan fakta ekonomi yang dihasilkan oleh pakar-pakar daripada universiti tempatan dalam Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara. Penetapan kriteria ini juga mengambil kira hasil kajian Bank Dunia yang menjalankan kajian khusus mengenai implikasi gaji minimum.

2. Gaji minimum ini adalah terpakai kepada semua pekerja tempatan dan asing yang ditakrifkan sebagai **pekerja** di bawah seksyen 2 Akta Kerja 1955, seksyen 2 Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan seksyen 2 Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).
3. Perintah Gaji Minimum akan diwartakan dalam tempoh yang terdekat di mana pelaksanaannya akan berkuatkuasa selewat-lewatnya pada bulan Januari 2013. Ini telah mengambil kira tempoh peralihan yang diberikan kepada majikan iaitu 6 bulan selepas perintah tersebut diwartakan bagi perusahaan yang menggaji lebih dari 5 orang pekerja dan firma profesional atau 12 bulan bagi perusahaan yang menggaji 5 orang pekerja atau kurang.
4. Dalam melaksanakan gaji minimum, Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara yang ditubuhkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara telah mengadakan sesi perundingan dengan orang awam di seluruh negara dari 25 Julai 2011 hingga 11 Ogos 2011.
Maklum balas yang diterima daripada pihak majikan dan persatuan majikan, pihak pekerja dan kesatuan sekerja serta orang awam telah

diambil kira oleh Majlis Perundingan Gaji Negara dalam membuat syor mengenai kadar dan liputan gaji minimum kepada Kerajaan.

SOALAN NO.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

KAWASAN

TARIKH

LISAN

YB. DR. HIEW KING CHEU KOTA

KINABALU 20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN:

YB. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan mengapa laluan bertingkat (*flyover*) di persimpangan lalu-tintas di Jalan Kolam, Batu 5 V2 dan Sepanggar tidak dibina untuk meringankan keadaan kesesakan lalu-tintas. Jika ya, bilakah projek ini boleh bermula.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan persimpangan jejambat bertingkat (**flyover**) di Jalan Lintas / Jalan Kolam ialah merupakan antara skop cadangan projek Menaik Taraf Jalan Lintas, Kota Kinabalu sepanjang 15 kilometer yang sememangnya termasuk dalam perancangan Kerajaan.

Projek dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM300 juta itu dikenal pasti menerusi Laporan Kajian **Highway Network Development Plan** (HNDP), Fasa 2 (2010) untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-

10. Skop projek ini ialah menaik taraf jalan sedia ada 4 lorong 2 hala kepada 6 lorong 2 hala dengan reka bentuk piawaian JKR U5, dan membina 4 persimpangan bertingkat di persimpangan-persimpangan utama, termasuk di Jalan Lintas / Jalan Kolam. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya pada masa kini sedang berunding dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) supaya proses reka bentuk projek berkenaan diluluskan dalam tempoh **Rolling Plan** ke-3, RMKe-10 (2013-2014).

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 20 JUN 2012

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI

menyatakan hasil siasatan Jawatankuasa Aduan SPRM dan sama ada tindakan akan diambil terhadap Hishamuddin Hashim, Mohd Anuar Ismail dan Mohd Ashraf Mohd Yunus, dan 10 pegawai SPRM yang memberikan keterangan palsu di Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock, seperti Raymond Niok anak John Timban dan Bulkini Paharuddin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Peguam Negara telah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) hasil daripada siasatan semasa prosiding inkues dan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian Teoh Beng Hock.

Hasil penelitian yang dibuat secara terperinci, Jabatan Peguam Negara mendapati tidak wujud kesalahan jenayah oleh 3 orang pegawai SPRM tersebut bagi apa-apa kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] atau Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*]. Sehubungan itu, tiada tindakan undang- undang telah diambil terhadap ketiga-tiga pegawai SPRM tersebut.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah menubuhkan satu Pasukan Siasatan Khas SPRM untuk menyiasat sekiranya wujud kesalahan atau pelanggaran oleh pegawai-pegawai SPRM yang dinamakan dalam Laporan berkenaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan mana- mana

SOALAN NO:84
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

peraturan atau arahan daripada Pengurusan Tertinggi SPRM berkaitan dengan prosedur siasatan.

Hasil daripada siasatan tersebut, diputuskan bahawa hanya satu pertuduhan tatatertib boleh dibuat terhadap pegawai SPRM iaitu pertuduhan atas kesalahan tidak mengawal selia saksi semasa siasatan.

Jabatan Peguam Negara juga merumuskan bahawa SPRM perlu mengambil tindakan bagi mengemaskini Prosedur Pengendalian Standard (Standard Operating Procedure) SPRM supaya selari dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, syor Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja serta undang-undang antarabangsa. Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH: 20 JUN 2012

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan macam mana Kerajaan menangani masalah kekurangan pekerja kilang yang serius yang dihadapi oleh pelabur dan pekilang di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan pekerja dalam sektor perkilangan dan sektor perladangan.

PR-1252-L50467

JAWAPAN:

SOALAN NO: 84
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum mengenai masalah kekurangan guna tenaga yang dihadapi oleh pelabur dan majikan-majikan di sektor perkilangan dan perladangan. Justeru itu, pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan masalah ini dapat diatasi.
2. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-
 - i. Menggalakkan majikan meningkatkan penggunaan teknologi dalam proses pengeluaran produk syarikat menggunakan kaedah automasi/mekanisasi dan mengurangkan penggunaan sistem yang berintensifkan buruh serta memberi insentif kepada majikan yang ingin menggunakan kaedah-kaedah ini terutamanya di sektor perkilangan;
 - ii. Kerajaan turut komited untuk meningkatkan kepakaran pekerja tempatan sedia ada dan memberi latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar di institusi kemahiran. Lepasan institusi ini akan diserap ke dalam industri mengikut sektor-sektor yang berkaitan. Secara tidak langsung ini juga dapat membantu mengurangkan

- masalah kekurangan gunatenaga di dalam industri di samping meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran di dalam industri;
- iii. Mengadakan polisi pembangunan pekerja dengan menyediakan latihan kemahiran dan peluang pembangunan kerjaya kepada pekerja sebagai contoh memberi bantuan pendidikan kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran (Diploma, Ijazah, Sarjana atau kedoktoran) secara sambilan agar mereka kelak diterima bekerja di sektor-sektor yang memerlukan. Dengan kemahiran baru yang diperolehi melalui latihan berbentuk *reskilling* dan *up-skilling*, ianya akan meningkatkan penawaran tenaga kerja mahir yang diperlukan di dalam bidang-bidang kritikal antaranya bidang *biotechnology*, *renewable energy* dan *green technology*.
 - iv. Menganjurkan Skim Perantisan dengan menyediakan latihan kemahiran kepada lepasan sekolah yang tercicir (*drop out*) di dalam industri-industri kritikal yang memerlukan tenaga kerja yang sekaligus akan meningkatkan penawaran tenaga kerja berkemahiran negara serta menjimatkan kos operasi majikan untuk melatih pekerja baru yang diambil bekerja. Antara Skim Perantisan yang ditawarkan adalah Skim Perantisan Mekatronik, Industri Perhotelan dan *Plastic Injection Moulding*.
 - v. Menggalakkan pelaburan dalam teknologi tinggi (*high technology*) dan berintensifkan modal;

- vi. Di sektor perladangan, Kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi automasi seperti mesin cantas, mesin pelbagai fungsi seperti *mesin beluga* yang boleh dikendalikan di tanah gambut, alat pembungkusan secara mekanikal dan struktur jaring kalis serangga untuk aktiviti pembungkusan buah di ladang kelapa sawit;
- vii. Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat perladangan memberi kenaikan pendapatan kepada pekerja ladang mereka melalui pemberian insentif tambahan sebanyak RM200.00 sebulan mulai 1 Julai 2011.
- viii. Melaksanakan gaji minima bagi setiap sektor iaitu RM900 bagi Semenanjung dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat dan menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor utama seperti perkilangan dan perladangan;
- ix. Menggalakkan pengambilan gunatenaga daripada golongan suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi yang boleh bekerja secara separa masa dan memperbanyakkan program *homeworking*;
- x. Mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) di tempat-tempat dimana ramai tenaga kerja yang boleh didaftar dan ditemuduga oleh majikan-majikan yang menyertai program 3P. Majikan juga diminta untuk sentiasa melaporkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Kerja bagi membolehkan

pencari-pencari kerja tempatan yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja mengisi kekosongan tersebut;

- xi. Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) bagi memberi peluang kepada ibu-ibu yang mempunyai anak kecil keluar bekerja di sektor perkilangan dan perladangan dan anak diletakkan untuk dijaga di PAKK;
- xii. Bagi mengekalkan kualiti dan produktiviti selaras dengan pelaksanaan automasi, syarikat digalakkan memperkenal dan melaksanakan skim latihan bagi meningkatkan tahap
- xiii. Menempatkan industri pembuatan dan perkilangan di kawasan-kawasan luar bandar bagi memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan berhampiran untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan;

Tuan Yang Di Pertua,

2. Melalui usaha dan pelbagai program berterusan ini, Kerajaan berharap masalah kekurangan gunatenaga yang dihadapi oleh majikan di sektor perkilangan dan perladangan dapat diatasi terutamanya dengan penyertaan rakyat tempatan mengisi kekosongan pekerjaan di negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

SOALAN (84)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 JUN 2012 (RABU)

DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) apakah status projek Villaria Kondominium, projek perumahan Taman Desaria, Fasa 6A, Jalan Klang Lama yang terbengkalai sejak 1998; dan
- (b) bilakah projek ini akan disiapkan.

Tuan Yang DiPertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak pemaju penyelamat telah mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang bagi projek ini sejak bulan Januari 2012 dan masih dalam proses pertimbangan dan kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Dalam masa yang sama, pihak pemaju penyelamat sedang menyediakan Pelan Bangunan untuk diangkat bagi kelulusan MBPJ pada bulan Jun 2012 ini. Selain daripada itu, pihak pemaju juga telah mengemukakan Pelan Infrastruktur kepada pihak Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) bagi mendapatkan kelulusan dan pertimbangan daripada pihak yang berkenaan untuk memulakan kerja- kerja infrastruktur.

Berdasarkan kepada jadual pelaksanaan yang dikemukakan oleh pemaju penyelamat kepada Kementerian, projek ini dijangka siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada bulan Disember 2013. Dalam pada itu,

Kementerian akan terus melaksanakan pemantauan yang rapi ke atas projek ini agar pembeli dapat menduduki rumah mereka pada tarikh yang ditetapkan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

**MESUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN MALAYSIA
DARIPADA JAWAB LISAN
TARIKH YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG
(SIBUTI)
SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai hasrat untuk membina jalan raya di kawasan Skim Sepupok Niah sepanjang 20km menggunakan konsep yang sama diilhamkan oleh YAB. Perdana Menteri di kawasan Saeh, Niah melalui projek Jiwa Murni Angkatan Tentera Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membina jalan yang dapat memberi keselesaan kepada penduduk dengan kos yang minima seperti yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri melalui projek Jiwa Murni. Sehingga kini, pihak Kementerian belum menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk membina jalan di kawasan Skim Sepupok Niah sepanjang 20km melalui konsep Jiwa Murni.

WO.S0#IAiJ
: -**NOrAUM**
-NOr-AUP-^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN**
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH **20 JUN 2012**
RUJUKAN **4845**

SOALAN:

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) apakah status terkini dan tindakan yang telah diambil mengenai laporan polis Dengkil Repot/ 001196/09 mengenai perbuatan jenayah rogol seorang pensyarah berstatus Profesor ke

JAWAPAN

atas seorang pelajar wanita UPM; dan

(b) mengapakah selepas tiga tahun kes ini masih lagi belum diambil tindakan pendakwaan dan adakah benar dakwaan menyatakan pihak berkuasa tidak bercadang mengambil tindakan kerana membabitkan orang atasan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi menjawab soalan (a), kertas siasatan berhubung Dengkil Repot 1196/09 telah dirujuk kepada Ketua Unit Perundangan (KUP) Selangor pada 21/2/2012 dan Pegawai Penyiasat telah diarahkan untuk menyambung rakaman percakapan mangsa serta menjalankan beberapa tindakan lanjut bagi melengkapkan siasatan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang melakukan jenayah di negara ini. Berhubung repot ini, pihak PDRM tidak melengah-lengahkan siasatan sebaliknya telah berusaha untuk menuduh saspek atas kesalahan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum KUP berpuas hati dan membuat keputusan selanjutnya.

JAWAPAN

yo. .SdALAf'J:

NO. AUM : 93

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH 20 JUN 2012

RUJUKAN 4846

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan undang-undang yang digunakan untuk melindungi keselamatan negara. Apakah jenis ancaman dan langkah-langkah untuk mencegah penyalahgunaan undang-undang ini.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kepong yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, terdapat beberapa undang-undang yang digunakan bagi melindungi keselamatan negara iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan.

Sebagai contoh ancaman terhadap keselamatan negara akan ditangani melalui Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang berkaitan kegiatan keganasan (*terrorism*), subversif ataupun kegiatan yang bertentangan dengan amalan demokrasi berparlimen dan kegiatan penyuluhan ataupun espionaj.

Sebagai langkah-langkah untuk mencegah penyalahgunaan undang-undang ini, beberapa peruntukan telah dimasukkan didalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 iaitu secara umumnya berkaitan dengan kuasa Menteri, tempoh siasatan polis, hak orang tahanan menghubungi peguam dan keluarga terdekat, perbicaraan terbuka dan tiada tangkapan berdasarkan fahaman politik.

**JAWAPAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN
2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION
BIN ISMAIL
(MACHANG)**

TARIKH

20 JUN 2012(RABU)

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**
menyatakan jumlah keciran pelajar Orang Asli dan Bumiputera
di seluruh negara dalam tempoh 2005 hingga 2012.

SOALAN NO: ^

Tuan yang dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia, jumlah pelajar Orang Asli di sekolah rendah dan sekolah menengah masing- masing pada tahun 2011 adalah seramai 26,268 dan 12,148 orang pelajar.

Manakala pada tahun 2012, jumlah pelajar Orang Asli di sekolah rendah adalah seramai 27,868 orang dan sekolah menengah pula seramai 11,341 orang pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat, keciciran pelajar Orang Asli terbahagi kepada tiga iaitu:-

- i) keciciran di peringkat sekolah rendah iaitu dari Darjah 1 hingga Darjah 6 (tidak menamatkan tempoh pelajaran sepenuhnya);
- ii) keciciran dari sekolah rendah ke sekolah menengah iaitu dari Darjah 6 ke Tingkatan 1; dan
- iii) keciciran di peringkat sekolah menengah (tidak

menamatkan pelajaran sepenuhnya hingga Tingkatan 5).

Pada tahun 2005, kadar keciciran pelajar Orang Asli peringkat sekolah rendah yang tidak menamatkan persekolahan hingga ke Darjah 6 iaitu 0.57% (mewakili 22 pelajar). Peratus keciciran bagi pelajar Orang Asli yang tamat Darjah 6 tetapi tidak menyambung ke Tingkatan 1 adalah 36.71% (mewakili 1,368 pelajar). Manakala peratus keciciran pelajar Orang Asli peringkat sekolah menengah yang tidak menamatkan pendidikan sehingga ke Tingkatan 5 adalah sebanyak 41.89% (mewakili 695 pelajar).

Berbanding tahun 2012, secara keseluruhannya tiada keciciran dicatatkan bagi pelajar Orang Asli yang menamatkan persekolahan hingga ke Darjah 6. Peratus keciciran pelajar Orang Asli yang menamatkan Darjah 6

tetapi tidak menyambung ke Tingkatan 1 adalah 26.16% (mewakili 1,079 pelajar). Walau bagaimanapun, peratus kecinciran pelajar Orang Asli peringkat sekolah menengah yang tidak menamatkan pendidikan hingga Tingkatan 5 adalah masih tinggi iaitu 41.91% (mewakili 1,122 pelajar).

NO- soAtAN* s ^q

~~NO; AUM .95~~

-NO.-AUP-T

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK TIONG THAI KING [LANANG]

TARIKH 20 JUN 2012

RUJUKAN 4847

SOALAN:

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) bilangan warga asing yang memohon Kad Pengenaian Permastautin Tetap (merah) daripada 1 Januari 2011 sehingga kini;
dan

(b) bilangan pemohon yang telah diluluskan.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Lanang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bilangan warga asing yang memohon Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (merah) atau MyPR sejak 1 januari 2011 sehingga 31 Mei 2012 adalah seramai 783 orang dan daripada jumlah tersebut sebanyak 780 permohonan telah diluluskan.

**MESUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

JAWAB LISAN
DARIPADA YB. TUAN HAJI AB AZIZ AB
PERTANYAAN KADIR
(KETEREH)

TARIKH **20.06.2012**

SOALAN ; */>
Minta **Menyatakan apakah punca perkampungan Benawa Sarawak**
yang berusia 80 tahun tapi masih tidak disediakan
kemudahan air, elektrik dan jalan raya sehingga kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai projek pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Luar Bandar (JALB) ditentukan keutamaannya oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Walau bagaimanapun, Kementerian akan membuat siasatan lanjut mengenai perkara ini dan akan menyenaraikan di

JAWAPAN

bawah RMK-10 *Rolling Plan Ketiga.*

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.06.2012

Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarikat manakah di bawah Khazanah Nasional Berhad yang akan dijual kepada Bumiputera, apakah proses dan tatacara dalam proses penjualan dan pembelian itu, darimana sumber kewangan untuk aktiviti penjualan dan pembelian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa mesyuarat Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) pada 9 Februari 2012, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan supaya Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Bhd melupuskan sejumlah 10 aset yang tidak teras kepada syarikat Bumiputera. Lanjutan daripada pengumuman itu, Khazanah pada 4 Jun 2012 telah mengumumkan cadangan untuk melupuskan keseluruhan pegangan ekuiti dalam anak syarikat milik penuhnya, STLR Sdn Bhd (STLR), sebuah syarikat pegangan pelaburan hartanah, kepada usahawan Bumiputera yang layak. STLR ini merupakan salah satu daripada lima aset di bawah Kumpulan Syarikat Khazanah yang telah dikenal pasti untuk dilupuskan. Baki empat aset yang lain akan dimaklumkan pada masa yang sesuai kelak.

2. Secara amnya, proses pelupusan aset-aset tersebut akan dilaksanakan melalui tender terbuka dan akan diselenggara oleh Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan serta diselia oleh panel penilaian bebas yang akan meneliti setiap permohonan yang diterima. Para pembeli yang berpotensi harus memenuhi beberapa kriteria pra-kelayakan, antara lainnya syarikat diurus dan dimiliki 51% oleh Bumiputera yang mempunyai rekod baik, kedudukan kewangan yang kukuh, di samping kriteria khusus yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan.

3. Kriteria pemilihan yang ditetapkan untuk para pembeli yang berpotensi pula,

NO SOALAN 27©

termasuk memiliki kemampuan serta kepakaran untuk mengendali perniagaan, pelan perniagaan yang berdaya maju, mengemukakan bidaan terbaik dari segi nilai yang akan dicipta untuk syarikat serta memberi jaminan tiada pemberhentian pekerja dalam tempoh masa yang berpatutan.

4. Di samping itu, pihak pembida perlu menguruskan keperluan pembiayaan bagi pembelian aset-aset tersebut, sama ada melalui sumber kewangan dalaman ataupun menerusi pembiayaan daripada institusi kewangan.

Soalan No : 92

PERTANYAAN PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

DARIPADA Y.B. Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]

TARIKH 20 Jun 2012

SOALAN:

Y.B. Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan/penambahbaikan SJKT sejak tahun 2008 sehingga kini; dan
- (b) senarai terperinci sekolah-sekolah yang telah menerima bantuan tersebut sejak tahun 2008 sehingga kini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 2008 hingga 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membelanjakan sebanyak RM 341.58 juta bagi tujuan pembinaan sekolah. Bangunan tambahan dan menaiktarafkan SJKT di seluruh negara. Tambahan itu, di bawah Pakej Ransangan Khas (PRK) 2012 telah diperuntukkan RM100juta bagi tujuan penambahbaikan/ penyelenggaraan SJKT di seluruh Negara.

Rjm 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN (93)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 JUN 2012 (RABU)

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH]

SOALAN

Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
menyatakan polisi serta tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap
keganasan haiwan peliharaan untuk mengelakkan tragedi yang berlaku pada
Yip Sun Wah dari berlaku lagi.

Tuan Yang DiPertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, pihak Kementerian hanya menyediakan panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung kawalan ke atas anjing sahaja dan tidak merangkumi haiwan- haiwan lain iaitu melalui Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing.

Di bawah UUK Pelesenan Anjing ini telah ditetapkan proses dan prosedur yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan lesen pemeliharaan anjing. Sekiranya mana-mana peruntukan di bawah UUK ini tidak dipatuhi, pemunya boleh dikenakan penalti. Bagi lain-lain haiwan PBT mempunyai kaedah sendiri untuk mengurus haiwan-haiwan tersebut.

Di samping itu, PBT juga turut menggunakan Garis Panduan Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar (2008) yang disediakan oleh Jabatan perkhidmatan Veterinar (JPV). Garis Panduan tersebut merangkumi prosedur penangkapan anjing terbiar, pengangkutan ke tempat simpanan sementara anjing, kriteria tempat simpanan anjing, pengurusan tempat simpanan anjing dan juga pelupusan.

Pihak Kementerian pada masa ini sedang mengkaji pindaan terhadap UUK Pelesenan Anjing dan juga *Standard Operation Procedure* (SOP) khusus bagi penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT.

Kementerian Perumahan
Dan Kerajaan Tempatan

Jun 2012

SOALAN NO.94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]

TARIKH 20 JUN 2012

SOALAN

Tuan Hasbi bin Habibollah (LIMBANG) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menambah/merekrut pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk mengisi kekosongan di Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak demi untuk keberkesanaan penguatkuasaan.

SOALAN NO.94

JAWAPAN: **YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penghantaran pegawai penguatkuasaan dari Ibu Pejabat JPJ Putrajaya ke LPKP Sarawak bagi mengisi kekosongan sedia ada adalah dibawah pertimbangan Kementerian Pengangkutan (JPJ).

Sehubungan itu, status penghantaran tersebut perlu diperolehi daripada agensi pembekal iaitu Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

tJo. ^
•NOr-AUM : 101—

PERTANYAAN
DARIPADA

NO; AUP -
DEWAN RAKYAT

TARIKH	LISAN
RUJUKAN	DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]
20	JUN 2012
4848	

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa pihak Imigresen tidak meluluskan secara automatik permohonan Pas Khas oleh Encik Kway Kway Oo, seorang pekerja asing daripada Myanmar yang sedang menunggu kes beliau terhadap majikannya New Zonie Enterprise dirujuk oleh Menteri Sumber manusia ke Mahkamah Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN:

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lazimnya Jabatan tiada halangan untuk memberikan Pas Khas kepada seseorang warganegara asing yang sedang menunggu perbicaraan kes mahkamah berjalan dengan syarat beliau dapat mengemukakan bukti atau dokumen sokongan yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
 [TELOK KEMANG]

TARIKH 20 JUN 2012

SOALAN

Dato' Kamarul Bahrin bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) jumlah kes dan nilai kecurian ubat-ubatan di hospital Kerajaan antara tahun 2008 hingga 2011 serta pendakwaan kes-kes kecurian ini; dan
- (b) langkah-langkah bagi mengelakkan penyelewengan kecurian dalam stor farmasi di hospital-hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua

*

SOALAN NO: 97

Bagi tempoh 2008 hingga 2011, terdapat satu kes percubaan mencuri dengan nilai RM43 ribu dan satu lagi kes kecurian yang telah melibatkan nilai kehilangan ubat RM1.1 juta.

Kes-kes jenayah seperti mencuri dan percubaan mencuri harta awam dan Kerajaan disiasat di bawah Kanun Keseksaan (*Penal Code*) yang

dikuatkuasakan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tidak mempunyai kuasa di bawah Kanun Keseksaan tersebut.

Sekiranya terbukti kejadian kecurian sebegini melibatkan perbuatan di kalangan pegawai KKM, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua

Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan penyelewengan kecurian dalam stor farmasi di hospital-hospital Kerajaan adalah:

- i. Melaksanakan pengiraan, pemeriksaan dan verifikasi stok sebagaimana yang diarahkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 iaitu Tatacara Pengurusan Stor;
- ii. Sistem pengurusan kunci turut diperkemaskan lagi dengan menyemak semula had capaian (*access level*) semua anggota yang dibenarkan memasuki stor utama dan sub stor farmasi serta sistem rekod yang lebih teratur;
- iii. KKM telah memohon kepada Kementerian Kewangan peruntukan “one-off” bagi menaiktaraf sistem keselamatan stor ubat untuk perolehan sistem penggera, kamera litar tertutup (CCTV) dan kad akses sebanyak RM13 juta bagi tahun 2013 dan RM9 juta bagi tahun 2014; dan
- iv. Menerapkan aspek integriti di kalangan anggota di fasiliti kesihatan KKM.

NO.SOALAN: 97
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**

TARIKH **20 JUN 2012**

SOALAN:

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan Kerajaan menarik balik pelaksanaan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) baru-baru ini.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana sesuatu dasar jangka panjang yang dirangka oleh Kerajaan, dasar itu akan memerlukan pengubahsuaian mengikut keperluan dan penerimaan keseluruhan kumpulan sasar. Sepertimana sistem saraan Perkhidmatan Awam penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan melalui perundingan bersama antara Kerajaan dan kumpulan sasar supaya proses penjajaran dapat dilakukan bagi memenuhi keperluan kumpulan tersebut.

Dalam keadaan yang sama, Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) merupakan satu dasar menyeluruh yang melibatkan pewujudan

kepimpinan yang dinamik, semakan skim-skim perkhidmatan, pembangunan sumber manusia dan saraan yang kompetitif. Namun, SBPA perlu dibatalkan memandangkan beberapa aspek pelaksanaannya perlu ditambah baik dengan mengambil kira keperluan penjawat awam. Sehubungan ini, Kerajaan telah menubuhkan satu Suruhanjaya Khas bagi mengkaji Perkhidmatan Awam Malaysia secara komprehensif dan holistik. Tujuan asas Suruhanjaya tersebut adalah untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam melalui penyampaian perkhidmatan berkesan kepada rakyat. Terma Rujukan (TOR) Suruhanjaya ini adalah:

1. Untuk merasionalisasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan;
2. Untuk memastikan transformasi kepimpinan perkhidmatan awam yang berupaya menyeimbangkan kepentingan politik dan pentadbiran;
3. Untuk memperkasakan modal insan perkhidmatan awam untuk menyampaikan perkhidmatan yang responsif kepada kehendak pelanggan; dan
4. Untuk mengutamakan kebijakan penjawat awam dengan memastikan perkhidmatan awam yang lebih fleksibel dan adil.

SOALAN NO: 98

PEMBERITAHU PERTANYAAN

LISAN

**YB. TUAN FONG KUI LUN [
BUKIT BINTANG]**

RABU, 20 JUN 2012

18 [PR-1252-L49541]

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA

TARIKH RUJUKAN SOALAN

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan cadangan pembangunan semula tapak-tapak rumah pangsa DBKL seluruh Wilayah Persekutuan dengan menyatakan jumlah unit terlibat,

SOALAN NO: 99

harga rumah yang mampu dijual, pakej tawaran yang disediakan, tempoh projek berjalan dan apakah penyelesaian ke atas bantahan-bantahan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, buat masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terlibat di dalam pembangunan semula rumah pangsa Flat Pekeliling di Jalan Tun Razak. Ia melibatkan 3,009 unit rumah pangsa yang terdiri daripada 2,605 unit sewa dan 404 unit jual. Sebagai gantian kepada tapak ini, DBKL telah di peruntukan sebanyak 2,791 unit rumah pangsa di Desa Rejang.

Penyewa-penyewa di Flat Pekeliling telah ditawarkan menyewa di Desa Rejang manakala 404 pembeli telah ditawarkan tiga (3) pilihan iaitu memilih wang tunai mengikut harga pasaran Flat Pekeliling ketika itu, membeli unit di Desa Rejang dan membeli unit di Sentul dengan harga RM42,000.00.

Di samping itu, DBKL juga merancang pembangunan semula rumah pangsa di beberapa kawasan Cheras dan Sungai Besi. Dalam melaksana dan pembangunan semula itu, proses perundingan dengan penduduk bagi kawasan-kawasan tersebut diadakan. Proses ini juga mengambilkira bantahan-bantahan dari penduduk.

Pada prinsipnya, DBKL sentiasa amalkan dasar perundingan dengan penduduk setempat dalam melaksanakan projek pembangunan semula di atas. Keputusan akan dibuat setelah kesemua pihak mencapai persetujuan.

DBKL juga dalam proses untuk menjual **44,146 unit PPR MTEN dan 14,584 unit Perumahan Awam DBKL** kepada penyewa bagi menggalakkan penduduk Kuala Lumpur memiliki rumah sendiri. Daripada jumlah 44,146 unit tersebut, 29,562 unit adalah daripada PPR MTEN dan 14,584 unit lagi merupakan unit-unit Perumahan Awam DBKL. Terkini, DBKL turut bersetuju menjual sebanyak 485 unit lagi di Perumahan Awam DBKL Setapak Jaya dan juga 503 unit di Flat Seri Negeri Sembilan.

NO. SOALAN: 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
[IPOH TIMUR]**

**TARIKH JAWAPAN : 20 JUN 2012 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada beliau akan menggunakan kuasanya untuk meminta konsesi menerima semula perkhidmatan penstrukturran semula perkhidmatan air di Selangor dan memastikan syarikat konsesi mencari jalan penyelesaian holistik seperti yang termaktub dalam Seksyen 191 (5) Akta WSIA 2006 di mana kepentingan awam diutamakan dan sekiranya tidak, mengapa.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Dalam melaksanakan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan sentiasa memastikan supaya semua cadangan yang dikemukakan dan semua tindakan yang diambil adalah selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) serta mengambil kira hak semua pihak yang terlibat seperti mana yang termaktub di dalam Akta tersebut.

Walaupun Akta 655 memperuntukkan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan perkhidmatan bekalan air, namun, saya ingin menekankan bahawa tiada sebarang peruntukan di dalam Akta tersebut yang membolehkan Kerajaan Persekutuan atau Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan air memaksa mana-mana pihak bersetuju dengan sebarang model penstrukturran semula yang dicadangkan, sama ada oleh Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri Selangor. Malah, Seksyen 191(5) Akta 655 secara khususnya juga tidak memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan atau Menteri untuk memaksa syarikat-syarikat konsesi air di negeri

Selangor untuk menerima sebarang cadangan model penstruktur semula oleh mana-mana pihak. Saya ingin menegaskan bahawa penstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor sebaiknya perlu dilaksanakan melalui rundingan dan persetujuan bersama oleh kesemua pihak yang terlibat seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 191 dan 192 Akta 655. Perbalahan yang berpanjangan akan memudaratkan lagi industri bekalan air di negeri Selangor dan juga mengusarkan rakyat, pengusaha, pelabur dan peniaga.

Oleh itu, saya menyeru agar Kerajaan Negeri Selangor dapat berunding dengan syarikat-syarikat konsesi air di negeri Selangor untuk mencapai persetujuan bersama bagi memastikan penstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor dapat dimuktamadkan dalam waktu terdekat ini demi kebajikan rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

NO. SOALAN: 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN
OTHMAN [PENDANG]

TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

20 JUN 2012 (RABU)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan kadar cukup tenaga elektrik dalam negara untuk 5 tahun akan datang dan dari sumber mana serta peratusan dari sumber tenaga boleh baharu.
Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tempoh 5 tahun akan datang, kadar cukup tenaga elektrik atau "reserve margin", dengan izin, adalah berada diantara 26% hingga 20%.
Pada masa kini, pecahan penggunaan bahan api untuk penjanaan elektrik

adalah sebanyak 44.7% menggunakan arang batu, 42.5% berasaskan gas, **JAWAP** dan berasaskan minyak, 3.4% berasaskan *distillate*, dan 5.7% berasaskan hidro. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2020, adalah dianggarkan bahawa sebanyak 60% bekalan elektrik akan dijana daripada sumber arang batu, 23% gas, 15% hidro dan 2% daripada sumber Tenaga Boleh Baharu.

2. Anggaran peratusan pecahan sumber bahan api untuk penjanaan elektrik bagi pembekalan tenaga di Malaysia telah dibuat berdasarkan hasil kajian mengenai kedudukan campuran bahan api (*fuel mix*), dengan izin, bagi penjanaan elektrik yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Kajian campuran tenaga ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sesuatu bahan api di samping mewujudkan tahap campuran bahan api yang lestari. Antara faktor yang diambil kira dalam penentuan campuran tenaga optimum ini termasuklah elemen akses (*accessibility*), ketersediaan (*availability*), mampu bayar (*affordability*) serta kebolehterimaan (*acceptability*) berteraskan kepada 3 objektif utama dasar tenaga negara iaitu memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap pada harga yang berpatutan.

Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut, penggunaan sumber bahan api arang batu dalam sektor penjanaan elektrik akan meningkat pada masa akan datang. Ini adalah selari dengan keputusan pihak Kerajaan sebelum ini untuk meningkatkan harga bahan api gas secara berperingkat sebanyak RM3 mmBtu setiap 6 bulan sehingga mencapai harga pasaran menjelang 2016. Sehubungan itu, kos penjanaan menggunakan sumber arang batu akan lebih rendah berbanding penggunaan gas sebagai sumber penjanaan utama, di mana kos bahan api merupakan aspek penting dalam mengekalkan tarif yang rendah kepada pengguna.

Hasil kajian tersebut juga mendapati bahawa Tenaga Boleh Baharu berfungsi dengan lebih baik sekiranya ia dikategorikan sebagai sumber sokongan kepada bahan api fosil penjanaan sedia ada yang diguna pakai secara meluas. Selain daripada penggunaan Tenaga Boleh Baharu sebagai sumber penjanaan, kajian tersebut turut mencadangkan agar pembinaan beberapa buah stesen jana kuasa baru serta pelaksanaan pembinaan talian penghantaran daripada Sarawak ke Semenanjung bagi memenuhi permintaan jangka masa panjang khususnya di Semenanjung.

'kic-k-kic-k'k'k'k-k'k'k'k-k-kic-k-k-k'k'k-k-kic'kif'kic'k'k'kie-k-k-k'k'kic'k-k'k'k'k'k'k'k'ie-kicic'kic'k-k-k'k'kic'k'k'kicic-k'k-k'k'k'k'kick-kie

SOALAN NO: 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH] 20
TARIKH	JUN 2012
SOALAN	

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapakah Oratis Sdn. Bhd. dilantik dan syarat-syarat kontraknya. Apakah Kementerian menyedari bahawa ubat jenis “*cold chain*” item adalah tidak sesuai untuk di pos laju serta perkhidmatan Oratis telah menaikkan perbelanjaan Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Kontrak melantik Syarikat Oratis Services Sdn Bhd untuk mengendalikan bekalan ubat dan peralatan kepada Pesara Awam Persekutuan serta tanggungan melalui Penyampaian Sistem Electronic Medical Automation Supply System (e- MASS) mulai 15 Februari 2012 diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Hanya ubat-ubatan dan peralatan yang tidak dapat dibekalkan /disediakan oleh hospital / klinik kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan

21 Tahun 2009 yang boleh diperolehi melalui sistem ini. Syarat-syarat kontrak yang lain bolehlah dirujuk kepada pihak JPA.

Pihak KKM sedia maklum bahawa ubat jenis *cold chain* tidak sesuai untuk dihantar melalui pos laju kerana memerlukan kaedah pengendalian yang spesifik untuk memastikan kestabilan ubat-ubat berkenaan. Kriteria ubat-ubat yang boleh dibekalkan melalui pos telah dijelaskan dalam Garis panduan Ubat Melalui Pos 1 Malaysia, KKM. Sekiranya ubat *cold chain* perlu dihantar ianya perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, KKM akan memantau untuk memastikan pihak JPA dan Oratis Sdn. Bhd mematuhi garis panduan pembekalan dan penghantaran ubat yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua

Electronic Medical Automation Supply System (e-MASS) adalah sistem bagi memberi dan membekalkan ubat kepada pesara Kerajaan mengikut preskripsi hospital/klinik Kerajaan, di mana bekalannya tiada di hospital berkenaan. Sistem ini menggantikan cara lama di mana pesara membeli ubat dengan duit sendiri dan kemudiannya membuat tuntutan balik pada Kerajaan. Sistem lama membebankan pesara, di samping menghadapi masalah harga ubat dan peralatan perubatan yang berbeza. Memandangkan jumlah pesara yang menghadapi masalah kesihatan meningkat dari semasa ke semasa, Kerajaan telah memperkenalkan sistem, di mana pesara dibekalkan ubat atau peralatan perubatan yang diperlukan tanpa membelanjakan duit sendiri terlebih dahulu. Mereka boleh mendapatkan ubat atau alat daripada rangkaian farmasi atau pembekal dalam sistem e-MASS di seluruh Malaysia dan Kerajaan akan dibilang secara kelompok. Sistem ini juga meliputi hantaran ubat secara Pos Laju, kurier atau hantaran tangan ke rumah

pesara yang uzur.

Semua peraturan berkaitan dengan hantaran ubat/perlatan perubatan dipatuhi untuk memastikan tidak ada apa-apa masalah berbangkit dari sistem ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hantaran ubat jenis “Cold Chain” ke hospital Kerajaan menggunakan saluran yang sama seperti yang digunakan oleh pembekal utama swasta kepada hospital Kerajaan, tanpa masalah. Di samping itu, adalah didapati bahawa sistem e-MASS dapat menyelaraskan kos ubat dan peralatan perubatan serta secara umum mengurangkannya. Pemilihan syarikat ini dan syarat adalah bersesuaian dengan peraturan-peraturan yang berhubung dengan perolehan Kerajaan.

Kerajaan sentiasa memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat, antaranya bagi kemudahan dan keselesaan pesara sektor awam yang sudah sekian lama menyumbangkan bakti kepada negara. Ahli-ahli Dewan yang mulia ini juga wajar mengalu-alukan Sistem e-MASS, kerana ia juga meliputi mereka selepas berhenti menjadi ahli Parlimen dan kemudahan ini diberikan seumur hidup termasuk tanggungan yang layak.

NO. SOALAN: 102
PERTANYAAN BERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA

YB DR. CHE ROSLI

BIN CHE MAT

[HULU LANGAT]

TARIKH JAWAPAN : 20 JUN 2012 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status kajian Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) merangkumi dari bahan api fosil dan tenaga boleh diperbaharui dalam memastikan kestabilan pembekalan tenaga di Malaysia .
Tuan Yang Dipertua,

1. Sebelum saya menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai kajian tersebut, ingin saya menerangkan terlebih dahulu kedudukan penjanaan elektrik di Semenanjung pada ketika ini.

JAWAPAN

Jumlah kapasiti terpasang semasa di Semenanjung ketika ini adalah sebanyak 21,817MW di mana kapasiti penjanaan terpasang yang dimiliki oleh IPP, termasuklah stesen janakuasa Kapar Energy Venture dan Janamanjung yang merupakan anak syarikat kepada TNB adalah sebanyak 14,777MW (67.7%). Manakala selebihnya adalah daripada stesen janakuasa TNB iaitu sebanyak 7,040MW (32.3%).

2. Selain itu, berdasarkan kepada pecahan penggunaan bahan api untuk penjanaan elektrik pula, sebanyak 44.7% telah dijanakan menggunakan arang batu, 42.5% berdasarkan gas, 3.7% berdasarkan minyak, 3.4% berdasarkan *distillate*, dan 5.7% berdasarkan hidro. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sumber penjanaan menggunakan Tenaga Boleh Baharu (TBB) hanya diambil kira bagi stesen janakuasa yang berkapasiti 30MW dan ke bawah, manakala stesen hidroelektrik yang melebihi daripada kapasiti yang ditetapkan tidak dikategorikan sebagai TBB.

Tuan Yang Dipertua,

-
-
3. Dalam usaha Kerajaan untuk memastikan kestabilan pembekalan tenaga di Malaysia, satu kajian mengenai kedudukan campuran bahan api (*fuel mix*), dengan izin, bagi penjanaan elektrik telah dijalankan oleh Kerajaan. Kajian ini telah dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai sudut bagi memastikan kestabilan bekalan tenaga sentiasa berada di tahap terbaik, termasuklah langkah untuk menjadikan TBB sebagai salah satu daripada sumber penjanaan. Namun begitu, hasil kajian tersebut merumuskan TBB sebagai sumber sokongan kepada bahan api fosil penjanaan sedia ada yang diguna pakai secara meluas.
4. Bagi menggalakkan penjanaan TBB, Kerajaan telah memperkenalkan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) yang mana melalui pelaksanaan mekanisme ini, Kerajaan telah mengunjurkan bahawa penggunaan

TBB sebagai sumber penjanaan akan meningkat kepada 9% daripada jumlah keseluruhan kapasiti terpasang menjelang tahun 2020. Ini adalah berdasarkan kepada keupayaan Dana Kumpulan Wang TBB yang buat ketika ini yang hanya mengutip sebanyak 1% dari jumlah penggunaan bil elektrik pengguna, tidak termasuk pengguna yang menggunakan bekalan elektrik di bawah 300kWh setiap bulan.

Selain daripada penggunaan TBB sebagai sumber penjanaan, kajian tersebut telah mencadangkan agar pembinaan beberapa buah stesen jana kuasa baru serta pembinaan talian penghantaran daripada Sarawak ke Semenanjung perlu dilaksanakan bagi memenuhi permintaan untuk jangka masa panjang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH

SOALAN:

Y.B. Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta MENTERI PELAJARAN

Soalan No : 103

menyatakan berapakah setakat ini jumlah pra sekolah yang telah dibina sepanjang tempoh 2010-2012 di Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2010 hingga 2012 di Parlimen Sri Aman sebanyak 13 buah kelas prasekolah telah dibina yang melibatkan 13 buah sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua bangunan prasekolah tersebut telah siap dan digunakan kecuali SK Padang Pedalai yang akan mula digunakan pada sesi persekolahan Jun 2012.

Rjm 60

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

TARIKH 20 JUN 2012

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Suruhanjaya Khas untuk mengkaji semula perkhidmatan awam seperitimana yang dicadangkan Perdana Menteri pada 8 Mac 2012.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 2 Jun 2012, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam melalui penyampaian perkhidmatan berkesan kepada rakyat. Pihak Suruhanjaya telah diberikan tempoh enam (6) bulan untuk mengemukakan cadangan mengenai Perkhidmatan Awam yang diperlukan negara di masa hadapan. Keanggotaan Suruhanjaya tersebut adalah seperti berikut:

Pengetahuan

YBhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi
(bekas Ketua Hakim Negara)

Ahli-ahli

1. YBhg. Tan Sri Ismail Adam
(bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam)
2. YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom
(bekas Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia)

3. YBhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil (bekas Ketua Audit Negara)
4. YBhg. Tan Sri Hussin bin Ismail (bekas Timbalan Ketua Polis Negara)
5. YBhg. Mej. Jen. Dato' Paduka Che Hasni bin Che Ahmad (bekas Panglima Latihan Tentera Darat)
6. YBhg. Dato' Omar bin Osman (Presiden CUEPACS)

Sekretariat

Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Korporat
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 105
PR-1252-L50789

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

DARIPADA	PER TAN YA AN	JAWAB LISAN
TARIKH		Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR]

SOALAN	20 JUN 2012
--------	-------------

Y.B. Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan tiga tahun yang lalu, Kerajaan Malaysia telah menyerahkan semua tanah milik Keretapi Tanah Melayu (di Singapura) kepada Kerajaan Singapura, minta pihak Kerajaan memperincikan hasil usaha sama perniagaan yang telah berjaya dijanakan ekoran daripada usaha penyerahan tersebut, dan apakah rancangan jangka panjang yang

JAWAPAN: telah disediakan.

No. Soalan : 105

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Padang Besar** di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pertukaran tanah Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands, dan tiga lagi di Bukit Timah dengan tanah-tanah di Marina South dan di Ophir/Rochor di Singapura merupakan satu langkah penyelesaian kepada pelaksanaan *Points of Agreement* (POA) antara Malaysia dan Singapura yang telah tertunggak semenjak 1990.
3. Kerajaan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju pada September 2010 untuk menyelesaikan isu pembayaran caj pembangunan untuk tiga bidang tanah asal POA di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands dengan merujuk kepada prosedur timbang tara di "*Permanent Court of Arbitration*".
4. Bagi tujuan timbang tara ini, kedua-dua buah negara telah menandatangi "*Submission Agreement*" pada 9 Januari 2012 bagi menetapkan, antara lain, prosedur dan komposisi panel timbang tara antarabangsa tersebut. Jabatan Peguam Negara Malaysia telah membuat persiapan yang perlu bagi proses timbang tara tersebut yang dijangka akan bermula sebelum akhir tahun ini.

5. Langkah penyelesaian isu caj pembangunan menerusi proses timbang tara telah diambil supaya isu ini tidak menghalang kedua-dua negara untuk terus meningkatkan kerjasama dua hala, terutamanya dalam inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan berikutnya penyelesaian isu POA.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Menurut Perjanjian bagi Pelaksanaan *“The Points of Agreement on Malayan Railway Land in Singapore between the Government of Malaysia and the Government of Singapore and the Joint Statement on Singapore-Malaysia Leaders’ Retreat of 24 May 2010”* yang telah ditandatangani oleh kedua-dua Kerajaan pada 27 Jun 2011, antara usahasama perniagaan yang telah dijanakan adalah penubuhan sebuah syarikat usahasama antara Khazanah Nasional dan Temasek Holdings yang bernama “M+S Pte. Ltd.” bagi membangunkan empat bidang tanah di Marina South dan dua bidang tanah di Ophir/Rochor.

7. Kesemua empat bidang tanah di Marina South dan dua bidang tanah di Ophir/Rochor akan dimajukan oleh M+S Ptd Ltd sebagai projek pembangunan bersepadu. Bagi melaksanakan projek pembangunan tersebut, M+S Ptd Ltd telah melantik Mapletree Project Management Pte Ltd (“Mapletree”) dan Sunrise MS Pte Ltd (“UEMSunrise”), sebuah anak syarikat UEM Land Holdings Berhad, sebagai Pengurus Projek bagi pembangunan di Marina South dan melantik Capitaland Limited dan UEMSunrise sebagai Pengurus Projek bagi pembangunan di Ophir/Rochor.

8. Projek-projek pembangunan dijangka bermula dalam tahun 2013 dan akan disiapkan dalam tempoh enam tahun. Projek-projek tersebut akan melibatkan pembinaan bangunan-bangunan yang terdiri daripada ruang pejabat, kediaman, hotel dan lot-lot komersil.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Penyelesaian isu POA telah membawa fasa baru dalam hubungan antara Malaysia dan Singapura di mana kedua-dua negara kini lebih komited dan mempunyai banyak peluang untuk meningkatkan kerjasama erat untuk manfaat bersama. Selain usahasama pembangunan tanah-tanah di Marina South dan di Ophir/Rochor menerusi M+S Ptd Ltd, kedua-dua negara telah bersetuju dengan pelbagai inisiatif baru termasuk penglibatan aktif Singapura dalam pembangunan di Iskandar Malaysia.

10. Dalam kerjasama yang dilihat saling menguntungkan ini, kedua-dua negara dapat menjalinkan hubungan yang lebih akrab dan bergerak bersama ke hadapan dengan lebih dinamik dan berdaya maju. Dalam hal ini, sebarang isu dua-hala antara Malaysia dengan Singapura diyakini akan dapat diselesaikan dalam suasana yang positif demi kepentingan dan kemakmuran bersama.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:106
PERTANYAAN LISAN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA **DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON**
TARIKH **20 JUN 2012**

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pembelaan bagi anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berhenti perkhidmatan dan menyambung perkhidmatan awam yang lain di mana apabila faedah persaraan mereka tidak mengambil kira tempoh perkhidmatan mereka di dalam pasukan beruniform itu seperti pasukan tentera, bomba dan pasukan beruniform yang lain.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, tempoh perkhidmatan bagi anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilantik semula ke dalam skim perkhidmatan yang lain akan diambil kira tempoh perkhidmatannya untuk tujuan pengiraan faedah persaraan sekiranya peletakkan jawatan tersebut adalah di dalam keadaan teratur serta mengikut prosedur yang telah ditetapkan, sepetimana diperuntukkan dibawah Peraturan-Peraturan Pencen 1980.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

TARIKH **20 JUN 2012 (RABU)**

SOALAN **NO. 107**

PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengenai “pemburuan” seramai 22 pelajar institusi pengajian tinggi yang menyertai Perhimpunan Bersih 3.0, lantas menyekat autonomi para pelajar dan menafikan hak asasi kebebasan berhimpun kepada mereka sepetimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak membuat sebarang pemburuan terhadap pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menyertai Perhimpunan Bersih 3.0. Perkara ini sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). PDRM bertanggungjawab dalam menguatkuasakan undang-undang negara yang berkaitan. Dalam hal ini KPT menyokong penuh tindakan PDRM untuk membawa ke muka pengadilan sesiapa sahaja termasuk pelajar jika mereka melanggar undang-undang negara.

Para pelajar sebenarnya telah banyak diberi kebebasan, ini dibuktikan dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) bagi membenarkan pelajar terlibat dalam politik di luar kampus yang telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 19 April 2012 dan di Dewan Negara pada 10 Mei 2012.

NO SOALAN :1 L>T0)

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,

MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

**(REMBAU)
LISAN**

PERTANYAAN

TARIKH 20.06.2012

NO SOALAN :1 L>T0)

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah impak dan kadar impak tersebut kepada pertumbuhan ekonomi, aliran masuk pelaburan asing dan dagangan luar negara unjuran daripada krisis hutang dan ekonomi dan pertumbuhan yang melanda benua Eropah ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk krisis hutang kerajaan di Eropah yang berlarutan, boleh memberi kesan kepada negara melalui impak pasaran kewangan dan aliran perdagangan. Namun demikian, kesan ini dijangka tidak akan memberi impak yang ketara ke atas negara kita memandangkan struktur perdagangan luar negara yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh sumber pertumbuhan ekonomi domestik, kekuatan daya tahan dalaman dan asas-asas ekonomi yang kukuh. Sehubungan itu, Bajet 2012 telah mengambil kira perkembangan luar ini dalam menggariskan strategi untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang. Di samping itu, perancangan Kerajaan untuk memastikan ekonomi berkembang kukuh terutamanya melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan

Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta program-program lain termasuk Program Transformasi Luar Bandar (RTP), Rancangan Malaysia Ke-10 serta Kerjasama Awam Swasta (PPP) dijangka akan turut mencergaskan aktiviti ekonomi dalam negara.

2. Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan terus menerima pelaburan yang tinggi dari luar negara. Pada tahun 2011, pelaburan langsung asing di Malaysia (FDI) mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM36.6 bilion berbanding tahun 2010 iaitu sebanyak RM29.3 bilion. Pada suku pertama 2012, FDI terus mencatat aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM7.5 bilion. Kemasukan FDI yang menggalakkan ini adalah berikutan peningkatan keyakinan pelabur hasil daripada beberapa inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dari segi persaingan global, kedudukan Malaysia dalam Global Competitiveness Report 2011-2012 telah bertambah baik iaitu daripada tangga 26 kepada tangga 21. Begitu juga dengan kedudukan Malaysia dalam laporan Bank Dunia iaitu Ease of Doing Business Report 2012, meningkat daripada tangga 23 kepada tangga 18. Mengikut Global Peace Index, Malaysia juga berada di kedudukan keempat di rantau Asia Pasifik. Indikator ini akan meyakinkan pelabur asing untuk terus melabur di Malaysia.

3. Prestasi perdagangan luar kekal menggalakkan berikutan rakan niaga utama adalah dari negara yang sedang pesat membangun iaitu di rantau Asia seperti China, Singapura dan Thailand. Bagi tempoh empat bulan pertama 2012, jumlah perdagangan Malaysia mengukuh sebanyak 5% kepada RM425.6 bilion dan mencatatkan lebihan perdagangan sebanyak RM37.3 bilion. Jumlah eksport kasar meningkat sebanyak 3.3% kepada RM231.4 bilion disokong oleh eksport komoditi serta eksport barang pembuatan terutamanya eksport barang bukan E&E seperti bahan kimia, keluaran petroleum dan getah. Sementara itu, import kasar pula berkembang 7.1% kepada RM194.2 bilion disebabkan terutamanya oleh peningkatan import barang modal dan barang penggunaan berikutan permintaan domestik yang lebih kukuh.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi ekonomi negara dianggar terus berkembang pada tahun ini meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar. Pada suku pertama 2012, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar berupaya mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% disokong

permintaan dalam negeri yang terus kukuh, terutamanya perbelanjaan pengguna swasta yang tinggi dan aktiviti pelaburan swasta yang rancak. Dengan mengambil kira kerancakan ekonomi domestik, kerajaan yakin ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 4% hingga 5% pada tahun 2012.